KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

Laporan Tahunan 2018

# Pendigitalan Landskap Perniagaan

# Laporan Tahunan 2018




## Rasional Muka Hadapan

Ilustrasi kod QR ini melambangkan kepentingan teknologi terkini dalam landskap perniagaan dan penyampaian perkhidmatan SSM. Penggunaan kod QR yang merupakan trend terkini dalam landskap perniagaan yang berkembang pesat dan berdaya saing, bakal meningkatkan produktiviti dan seterusnya menggalakkan industri untuk turut serta dalam gelombang Revolusi Industri 4.0. SSM sebagai pengawal selia komuniti perniagaan juga sentiasa menerapkan teknologi terkini dalam penyampaian perkhidmatannya.



**MENARA SSM@SENTRAL**
NO. 7, JALAN STESEN SENTRAL 5
KUALA LUMPUR SENTRAL
50623 KUALA LUMPUR

**TEL:** +603 7721 4000

**FAKS:** +603 2299 4411

**EMEL:** enquiry@ssm.com.my

**LAMAN SESAWANG:** www.ssm.com.my

**MEDIA SOSIAl:**

# KANDUNGAN


06 Perutusan YB Menteri

07-08 Prakata Pengerusi

09-11 Ulasan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif

12-17 Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia

18-21 Pengurusan Eksekutif

25-105 Laporan Pengurusan
- Akademi Latihan dan Pengurusan Pengetahuan
- Inisiatif Pembaharuan Undang-Undang
- Penyampaian Perkhidmatan
- Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan
- Sorotan Media
- Inisiatif Penguatkuasaan

106 Penyata Kawalan Dalaman

107-147 Penyata Kewangan

148-149 Direktori SSM

# TERAS STRATEGIK

**01**
Mengoptimumkan Penambahbaikan Proses

**02**
Menggunakan Platform Teknologi Agil




**03**
Memupuk Budaya Kerja Cemerlang

**04**
Menyediakan Persekitaran Perniagaan yang Boleh Dipercayai

**05**
Mengintegrasikan Nilai Berkekalan

# PERNYATAAN

## VISI

"UNTUK MENJADI PENDAFTAR DAN PENGAWAL SELIA KORPORAT TERULUNG"



# NILAI-NILAI KORPORAT

## KOLABORASI

Kami komited dalam membina kredibiliti dan kepercayaan dalam organisasi dengan menggalakkan kolaborasi dalam kalangan rakan kerjasama untuk menyampaikan nilai-nilai perniagaan kepada pihak berkepentingan kami.

## INTEGRITI

Kami komited dan berpegang kepada etika kerja yang unggul sejajar dengan kod etika SSM dan mengaplikasikannya secara profesional dan penuh tanggungjawab dalam setiap bidang tugas.

# UTAMAKAN PELANGGAN

Kami sebagai peneraju tadbir urus korporat, berikhtiar untuk memberi khidmat nasihat yang berkualiti serta melayani para pelanggan dengan penuh hormat.

# NOBATKAN ILMU

Kami menggalakkan warga kerja untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran berterusan dalam usaha untuk meningkatkan kreativiti, kualiti dan daya inovasi.

# CEMERLANG

Kami menetapkan standard yang tinggi dan berusaha melangkauinya. Kami bersikap tegar dalam meningkatkan kualiti, dari segi keberkesanan dan produktiviti dalam organisasi. Kami mengiktiraf pencapaian yang cemerlang dan memberi ganjaran yang sewajarnya.



# PERUTUSAN YB MENTERI

## Assalamualaikum WBT. dan Salam Sejahtera.

### Saya sangat berbesar hati untuk memperkenalkan Laporan Tahunan SSM tahun 2018.

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar dan bersejarah. Pada tahun ini, genaplah setahun saya bertugas sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Visi Kementerian ini adalah agar **Perdagangan Domestik Tunjang Ekonomi Berpendapatan Tinggi** dan salah satu dari misi Kementerian adalah untuk memastikan sektor domestik utama maju, berdaya saing dan mampan. SSM merupakan agensi di bawah Kementerian yang memainkan peranan untuk memastikan visi dan misi tersebut dapat dilaksanakan. Senarai entiti perniagaan dan sektor korporat yang berdaftar di SSM merupakan aset negara yang penting. Maklumat *(dataset)* yang diselia oleh SSM memainkan peranan yang besar dalam memastikan Kerajaan dapat merangka strategi dan dasar untuk perdagangan dalam negeri di Malaysia. Maklumat tersebut bukan sahaja penting untuk Kementerian ini, malah untuk Kementerian yang lain juga seperti Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan, Jabatan Statistik Malaysia serta lain-lain institusi-institusi kewangan.

Pada tahun 2018 juga, Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMK-11) dilihat semula dalam kajian separuh penggal dan membawa kepada penyelarasan dasar sedia ada serta sasaran sosioekonomi telah dikaji dan disemak semula. Salah satu aspek yang dikaji semula adalah isu mengenai tadbir urus yang baik bagi memastikan tahap integriti dan akauntabiliti sesebuah institusi terus kukuh. Peranan SSM sebagai pengawal selia korporat dapat dilihat di mana peruntukan tadbir urus korporat yang kukuh di bawah undang-undang dapat membantu Kerajaan dalam memerangi jenayah korporat. Selain itu, dalam memastikan dasar-dasar sosioekonomi Kerajaan tercapai, SSM akan terus membantu rakyat dengan meneruskan inisiatifnya seperti SSM BizGrant dan Skim 1 Pelajar 1 Perniagaan.

Kementerian dan SSM akan terus proaktif bagi melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan lebih responsif, memupuk hubungan yang lebih kuat dengan pihak berkepentingan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih berdaya saing. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Anggota Suruhanjaya, Barisan Pengurusan dan Warga Kerja SSM atas sumbangan dan komitmen mereka.

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna

# PRAKATA PENGERUSI




Pada tahun 2018, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) meneruskan lagi strateginya untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatannya dan memastikan pihak berkepentingan dan orang ramai dapat menikmati teknologi dan perkhidmatan terkini. Salah satu inisiatif yang diperkenalkan oleh SSM yang sejajar dengan strategi Kerajaan untuk menyediakan ekonomi digital adalah pengenalan Sistem Laporan Perniagaan Malaysia atau MBRS yang merupakan platform berdasarkan konsep Bahasa Pelaporan Perniagaan XBRL atau *eXtensible*.

Dengan pengenalan MBRS ini, membolehkan penyerahan Pulangan Tahunan (AR), Penyata Kewangan dan Laporan (FS) dan permohonan pengecualian yang berkaitan dengan FS dan AR yang akan dihantar melalui platform ini. Manfaat daripada pengenalan MBRS ini akan dapat dilihat dari sistem berautomasi, menjimatkan kos, cara pengendalian data yang lebih cepat, dipercayai dan tepat serta analisis dengan kualiti maklumat dan pengambilan keputusan yang lebih baik. Satu lagi kejayaan di bawah penambahbaikan teknologi SSM ialah CTC Digital yang diperkenalkan pada tahun 2017. Pada tahun 2018, SSM dianugerahkan banyak penghargaan berkaitan perkhidmatan ini seperti Anugerah Transformasi Digital IDC 2018 dan Kategori Wawasan Maklumat DX Awards 2018.

Sebagai Pengawal Selia Korporat, SSM sentiasa menyemak semula undang-undang dan peraturan di bawah bidang kuasanya untuk memastikan undang-undang dan peraturan semasa lebih relevan pada masa kini. Pada tahun 2018 ini juga menyaksikan inisiatif pembaharuan kawal selia bergerak ke hadapan dengan semakan semula Akta Syarikat Amanah 1949, Peraturan Syarikat Penggulungan 1972 dan pengenalan Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018 di bawah AS 2016. SSM juga mengeluarkan pelbagai Nota Amalan dan Arahan Amalan sepanjang tahun. SSM juga terlibat secara aktif dalam Laporan Ease of Doing Business yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, Forum Global mengenai Ketelusan dan Pertukaran Maklumat bagi Tujuan Cukai, Laporan Taktik Analisis dan Laporan Mengikuti Malaysia di bawah inisiatif Bank Negara/ FATF. SSM akan terus memastikan kerangka perundangan di bawah bidang kuasanya terus menyokong inisiatif Kerajaan dalam Ease of Doing Business dan juga mempromosikan pertumbuhan ekonomi dan peluang perniagaan untuk komuniti perniagaan.

Sebagai sebahagian daripada program transformasi organisasi, SSM telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif dalaman untuk meningkatkan kemahiran teknikal para pekerja dan memberikan faedah baharu dan lebih baik. Dengan ini SSM telah dianugerahkan *Employer of Choice (Public/ Social) Category* di 18$^{th}$ Malaysia – *International HR Awards 2018*.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua rakan strategik, pihak berkepentingan, Anggota Suruhanjaya, Pengurusan Eksekutif dan kakitangan SSM atas sokongan, dedikasi dan sumbangan mereka yang berterusan.

**YBHG DATUK SERI JAMIL BIN HJ. SALLEH**
Pengerusi
Suruhanjaya Syarikat Malaysia



# ULASAN TAHUNAN

## KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi tahun 2018, iaitu tahun yang banyak mencatatkan kejayaan luar biasa dalam beberapa bidang. Secara kronologi, kita meraikan ulang tahun ke-16 SSM yang sentiasa menunjukkan peningkatan dalam prestasi perkhidmatan.**

SSM telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan kali ke-8 dengan tema 'Doing Business in The Age of Disruption' pada 14 dan 15 Ogos 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta.

SSM juga menjalankan Inisiatif pembaharuan undang-undang dan semakan semula seperti Penggubalan Draf Peraturan (Sijil Amalan) Syarikat. Penggubalan draf Peraturan (Sijil Amalan) Syarikat adalah merujuk kepada seksyen 241 AS 2016 yang menggariskan parameter-parameter bagi tujuan pendaftaran setiausaha syarikat. Melalui penguatkuasaan peraturan ini, semua individu berkelayakan yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat perlu berdaftar dengan Pendaftar tanpa mengambil kira latar belakang profesional mereka. Ini untuk memastikan standard dan professionalisme setiausaha boleh dipantau secara berkesan melalui mekanisme pangkalan data berpusat.

SSM telah menguatkuasakan Bahagian III, Penggal 8, Subpenggal 1 & 2 AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat (CRM) yang terdiri daripada Perkiraan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM) pada 1 Mac 2018. Objektif-objektif CRM adalah untuk membantu memulihkan syarikat yang mengalami masalah kewangan dan meningkatkan prestasi keuntungan syarikat, membolehkan syarikat menyediakan dan melaksanakan pelan pemulihan tanpa campur tangan pemiutang-pemiutang dan mekanisme ini juga memperuntukkan proses dan prosedur untuk memulihkan syarikat daripada diambil tindakan akhir untuk penggulungan syarikat.

SSM juga terus melangkah lebih maju terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan dengan pengenalan beberapa perkhidmatan baharu serta untuk membantu golongan peniaga kecil di Malaysia seperti:

(a) Pengenalan Malaysian Business Reporting System (MBRS) – dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 September 2018 yang menyediakan platform serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat secara atas talian;

(b) Perkhidmatan EzBiz Kiosk – peluasan kemudahan pembaharuan pendaftaran perniagaan, cawangan, bekalan maklumat perniagaan dan bayaran kompaun perniagaan melalui kiosk tambahan sebanyak 18 unit di pelbagai pejabat negeri dan pusat perkhidmatan SSM;

(c) Program BizFair SSM – geran sebanyak RM10 juta untuk membantu rakyat mendaftar perniagaan dan memberi bantuan modal awal perniagaan dalam bentuk barangan dan perkakasan; dan

(d) Mengadakan insentif pengurangan kompaun di bawah AS 2016 sebanyak 50% hingga 80% berkuat kuasa 1 September 2018 hingga 31 Disember 2018.

Inovasi dan kreativiti sentiasa digalakkan dalam kalangan pekerja SSM. Usaha ini sudah pasti akan dapat meningkatkan kecekapan dalam perkhidmatan. SSM telah menyertai Konvensyen Inovatif dan Kreatif KPDNHEP dan Anugerah Inovasi KPDNHEP yang diadakan pada 29-30 Oktober 2018 dan 27-28 November 2018 dan dinobatkan sebagai Juara Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018. Majlis Konvensyen Inovatif dan Kreatif SSM 2018 telah dianjurkan buat julung kalinya pada 28 Jun 2018. Sebanyak 22 kumpulan dari pejabat SSM di seluruh Malaysia telah berentap di konvensyen ini dengan mempersembahkan hasil kreativiti kumpulan masing-masing.

BizRun 2018 anjuran SSM telah diadakan buat julung kalinya pada 18 Ogos 2018 telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysian Book of Records* (MBOR). Acara larian tersebut telah memecahkan rekod MBOR dari segi jumlah penyertaan syarikat yang mengambil bahagian dalam larian 10KM dan 5KM iaitu dengan penyertaan sebanyak 740 buah syarikat berdaftar dengan lebih 5,000 orang peserta. SSM telah menganjurkan Malam Anugerah Projek Inspirasiku buat julung kalinya pada 28 November 2018. Projek ini bertujuan membuka peluang kepada para usahawan berkongsi kisah mereka mengharungi cabaran dalam perjalanan perniagaan sehingga berjaya. Para pemenang juga akan dilantik sebagai Ikon SSM yang akan turut serta dalam program-program yang dianjurkan oleh SSM untuk memberikan perkongsian dan motivasi kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan.

SSM terus aktif di peringkat antarabangsa dengan menyertai beberapa forum iaitu Forum Pendaftar Korporat 2018. Program ini telah diadakan di Gaborone International Convention Center (GICC) Grand Palm Hotel Casino dan bertemakan *'Corporate Registries, A Critical Vehicle For Global Economic Growth'*. Program anjuran *Companies and Intellectual Property Authority* (CIPA) pendaftar korporat Botswana bersama dengan

*Corporate Registers Forum* (CRF) ini berlangsung selama lima (5) hari iaitu 21 hingga 25 Mei 2018. SSM juga telah menghadiri European Commerce Registers' Forum (ECRF). Forum ini telah diadakan di University of Gibraltar, Gibraltar bertemakan 'Moving With the Challenges of Digital Technologies' berlangsung selama tiga (3) hari iaitu 5 hingga 7 Jun 2018. Penganjur ECRF 2018 adalah Companies House Gibraltar iaitu pendaftar korporat Gibraltar bersama dengan *European Commerce Registers' Forum* (ECRF). SSM telah mewakili Malaysia dalam Bengkel APEC berhubung *'One-Stop Shops For Starting A Business (From Theory To Best Practice)'* yang diadakan pada 11 Ogos 2018 di Port Moresby, Papua New Guinea. Bengkel ini yang dianjurkan oleh *Asia-Pacific Economic Cooperation* (APEC) secara langsung menyumbang kepada inisiatif *Ease of Doing Business* (EoDB) bagi kriteria memulakan perniagaan (Starting a Business) dengan memberi tumpuan kepada *'one-stop shops' (single windows)* yang dilaksanakan oleh negara-negara APEC bagi tujuan mendaftarkan perniagaan baharu.

SSM sentiasa menjalankan pendekatan proaktif dalam aktiviti penguatkuasaan. Berdasarkan hasil pemeriksaan melalui pangkalan data, SSM telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menggalakkan pematuhan yang lebih baik terhadap keperluan menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan. Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada 93% kadar pematuhan (2017: 92%). SSM turut mempelbagaikan aktiviti penguatkuasaannya melalui penganjuran kempen kesedaran #ScamAlert2018 yang diadakan di seluruh Malaysia. Kempen tersebut telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran orang awam tentang bahaya dan kesan skim pelaburan haram.

Kebajikan warga kerja juga sentiasa dititikberatkan oleh pengurusan SSM yang merupakan tonggak utama dalam meningkatkan prestasi organisasi. SSM telah memperkenalkan kemudahan biasiswa kepada pekerja dan anak-anak mereka bermula tahun 2018. Kemudahan biasiswa SSM ini adalah untuk pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah di institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia. SSM juga telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 untuk menghargai warga kerja SSM yang telah menunjukkan prestasi kerja yang terbaik. Pengurusan SSM akan terus berusaha untuk menyediakan kemudahan terbaik kepada warga kerjanya untuk meningkatkan produktiviti serta menjadikan SSM lebih berdaya saing.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya atas segala tunjuk ajar dan nasihat yang telah diberikan serta sokongan berterusan pihak Pengurusan Eksekutif SSM. Saya mewakili pengurusan juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga kerja SSM atas usaha dan perjuangan anda untuk mengharumkan nama SSM. Tanpa anda semua, kita tidak akan dapat mencapai kejayaan seperti hari ini.

**YBHG DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Syarikat Malaysia

# ANGGOTA SURUHANJAYA



## YBHG. DATUK SERI JAMIL BIN HJ. SALLEH

**YBhg. Datuk Seri Jamil bin Hj. Salleh dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya berkuat kuasa 13 Mac 2016.**

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Antropologi dan Sosiologi dari Universiti Malaya. Beliau juga merupakan pemegang Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan telah menghadiri beberapa kursus pengurusan dan kepimpinan di Oxford University, United Kingdom dan Asian Institute of Technology, Thailand. Datuk Seri Jamil memulakan kerjaya beliau pada tahun 1983. Beliau pernah berkhidmat di beberapa kementerian dan badan kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Penjara Malaysia. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan seperti Penolong Setiausaha Kewangan dan Perolehan, Timbalan Setiausaha Bahagian (Bidang Keberhasilan Utama Negara) di Kementerian Dalam Negeri, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Belia dan Sukan bermula tahun 2010, sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan pada 12 Jun 2013.

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Yayasan Kebajikan Atlet Kebangsaan (YAKEB), Pengerusi Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Pengerusi Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), Ahli Lembaga Pengarah Litar Antarabangsa Sepang (SIC) dan Ahli Lembaga Pengarah Pengurus Majlis Sukan Negara (MSN). Datuk Seri Jamil mula menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bermula 15 Mac 2016. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pengerusi Rakyat Holdings Sdn. Bhd., Pengerusi Rakyat Travel Sdn. Bhd., Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat, Ahli Lembaga Pengarah Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), Ahli Majlis Inovasi Negara (NIC), Ahli Majlis Rekabentuk Malaysia, Ahli Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dan Ahli Majlis Perundingan Ekonomi Negeri Melaka. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

## YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN

**YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 1 Januari 2011.**



Beliau adalah seorang Profesor Undang-Undang Korporat dan Insolvensi di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang pengkhususan beliau adalah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, pengawalseliaan sekuriti, kebankrapan dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian sejak tahun 1989, dan antara bidang kepakaran beliau yang lain adalah undang-undang tenaga dan pengawalseliaan korporat. Prof. Dato' Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang Undang-Undang syarikat, sekuriti dan insolvensi. Prof. Dato' Dr. Aishah menerima Ijazah Sarjana Muda LLB (Kepujian) daripada Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Undang-Undang daripada University of Kent dan Ijazah Doktor Falsafah Undang-Undang daripada University of London.

Prof. Dato' Dr. Aishah pernah menjadi ahli Malaysian Corporate Law Reform Steering Committee (CLRC). Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang UKM Holdings, yang merupakan cabang korporat Universiti Kebangsaan Malaysia dan mantan Anggota Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK). Beliau juga merupakan Ahli Eksekutif Kounsel, Pusat Undang-Undang Antarabangsa dan Kajian Undang-Undang, Pejabat Peguam Negara Malaysia dan (I-Cells), dan Ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM. Prof. Dato' Dr. Aishah juga merupakan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan Felo Akademi Sains Malaysia.

# SYARIKAT MALAYSIA



## YBHG. DATO' ZAIDON BIN HJ. ASMUNI

**YBhg. Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni, yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa 1 Julai 2016.**

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1981 di Kementerian Dalam Negeri. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut. Dato' Zaidon pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran Jabatan Imigresen Malaysia, dan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) Kementerian Belia dan Sukan. Dato' Zaidon merupakan mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

## YBHG. DATO' OTHMAN BIN SEMAIL

**YBhg. Dato' Othman bin Semail berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dan telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015.**

Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada 1982 sebagai Penolong Pegawai Pertanian di RISDA. Beliau seterusnya telah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik di Kementerian Perusahaan Utama dan seterusnya di Kementerian Kewangan sehingga sekarang. Dato' Othman merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian di Sektor Dasar Perolehan Kerajaan & Akreditasi, Bahagian Perolehan Kerajaan, sebelum dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan. Beliau kini memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan).





## YBRS. EN. PAWANCHEEK MARICAN

**YBrs. En. Pawancheek Marican dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018.**

Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian (LL.B) dari Universiti Malaya dan Sarjana Undang-Undang (LL.M) dari Universiti Malaya. Beliau merupakan pengamal undang-undang dan menjadi ahli kepada Badan Peguam Malaysia sejak tahun 1977. Beliau kini merupakan rakan kongsi di firma guaman di Tetuan Wan Marican, Hamzah & Shaik.

YBrs. En. Pawancheek Marican pernah dilantik sebagai Timbalan Presiden Persatuan Peguam Muslim Malaysia dan Profesor (Jemputan) Adjung di Kulliyyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia untuk tempoh tahun 2006 hingga 2009. Beliau merupakan Ahli Lembaga Penasihat Editor Jurnal Perundangan dan Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Syariah Majlis Peguam Malaysia. Beliau juga merupakan ahli kepada Jawatankuasa Penyelidikan Bersama – Universiti Malaya dan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan Waqaf di YADIM bagi mencadangkan pembaharuan perundangan dan pengenalan produk-produk baru berkaitan waqaf di negeri-negeri di Malaysia.

Beliau telah mengendalikan kes-kes berkaitan perundangan terhadap Muslim dan bukan Muslim, pertikaian undang-undang perbankan, pertikaian korporat, pertikaian tanah dan hartanah dan pertikaian dan konflik bagi perundangan Sivil dan Syariah. Bersesuaian dengan dirinya sebagai seorang pengamal undang-undang yang berpengalaman luas, beliau merupakan seorang penulis buku berkaitan Undang-Undang Islam di Malaysia, tesis dan penerbitan jurnal di peringkat tempatan dan antarabangsa.

## YBRS. DR. ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH

**YBrs. Dr. Abdul Rahman bin Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018.**



Beliau memperolehi Ijazah Kedoktoran Falsafah (D.Phil) Kejuruteraan EE dan Sains Komputer dari University of Sussex England; Sarjana Sains (M.S.) dalam bidang Sains Komputer dari Indiana University Bloomington, Amerika Syarikat; Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (B.Sc.) dari Sunderland Polytechnic, England; dan Sijil Analisis Rangkaian Sosial dari University of Michigan Amerika Syarikat. Beliau memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf iaitu sebagai bekas Ahli Kanan dalam Pertubuhan Jurutera Pembuatan di Amerika Syarikat dan bekas Ahli dan Wakil Asia Pasifik di Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE).

YBrs. Dr. Abdul Rahman pernah bertugas sebagai seorang pensyarah dan Timbalan Pengarah di Pusat Komputer Universiti Malaya di peringkat awal kerjaya beliau. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Semakan Penyelidikan dan Inovasi di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan merupakan salah seorang ahli Panel Pembangunan dan Semakan Kurikulum di Universiti Industri Selangor (UNISEL). Beliau kini dilantik sebagai Lembaga Penasihat di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, University of Nottingham Malaysia dan Jurusan Sarjana Industri Otomasi di Universiti Kuala Lumpur – Institut Malaysia Perancis (UNIKL-MFI).

YBrs. Dr. Abdul Rahman merupakan seorang pengamal industri, eksekutif dan perunding dalam pelbagai industri dan pasaran. Beliau pernah menimba pengalaman bekerja di negara-negara di Amerika Utara, Eropah dan Asia. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai presiden dan CEO di syarikat-syarikat yang berasaskan teknologi tinggi dan bioteknologi di Amerika Syarikat, Kanada dan Malaysia. Beliau merupakan pengasas dan Presiden Araken Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat kejuruteraan sistem yang menjalankan aktiviti pembangunan teknologi dan khidmat perundingan.

Beliau pernah dilantik sebagai penasihat dan pakar bidang otomotif OEM untuk penambahbaikan dalam Perolehan, Pemasaran, Jualan, Perkhidmatan, Alat Ganti dan Jaminan serta Pembangunan Modal Insan. Dalam sektor Kerajaan pula, beliau merupakan penasihat dan pakar dalam penambahbaikan dan transformasi Pengurusan Zakat kepada Lembaga Zakat di dua (2) buah negeri. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengarah Projek di Institut Otomotif Malaysia (MAI) semasa berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

YBrs. Dr. Abdul Rahman telah menerbitkan melebihi 20 kertas kajian dan jurnal akademik di samping lain-lain penulisan dan penerbitan.

## YBRS. EN. TAN KEE HENG



**YBrs. En. Tan Kee Heng dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 November 2018.**

Beliau memperolehi Sarjana Muda Undang-Undang dari University of Wolverhampton, United Kingdom. YBrs. En. Tan Kee Heng aktif sebagai pengamal undang-undang yang mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dan kini merupakan rakan kongsi di S.K. Ling & Tan Advocates (Kuching). Beliau berpengalaman dalam undang-undang berkaitan litigasi, sivil dan kes-kes rayuan. Beliau juga merupakan penulis buku dan editor untuk penerbitan akademik perundangan. Beliau juga dilantik sebagai Pesuruhjaya Sumpah oleh Ketua Hakim Mahkamah Persekutuan dan merupakan Ketua Pesuruhjaya Sumpah di Sarawak.

## YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

**YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**




Beliau sebelum ini merupakan Timbalan KPE (Perkhidmatan) bermula pada tahun 2002 ketika penubuhan SSM, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan), portfolio yang dipegang oleh Dato' Zahrah termasuklah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Pematuhan, Akademi Latihan SSM (COMTRAC) dan Seksyen Komunikasi Korporat. Dato' Zahrah merupakan lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang Akauntan Berdaftar dan merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Dato' Zahrah memulakan kerjaya beliau sebagai Akauntan Penasihat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bermula pada tahun 1984 sehingga 1992, di mana bidang kepakaran beliau merupakan penilaian dan piawaian antarabangsa hal-hal berkaitan amalan pasaran terbuka. Dato' Zahrah seterusnya berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri sebagai Akauntan Prinsipal bermula pada tahun 1992 sehingga 1995 dan bertanggungjawab menguruskan akaun kewangan dan proses pengauditan pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Lanjutan daripada itu, beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1995, sehingga pelantikan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan) pada tahun 2002.

Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) yang merupakan gabungan pendaftar-pendaftar korporat antarabangsa. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Dato' Zahrah merupakan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) dan Lembaga Pemantauan Audit (AOB). Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Koperasi SSM bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Dato' Zahrah juga merupakan Ahli Lembaga Xtensible Business Reporting Language (XBRL) yang merupakan sebuah organisasi global bukan untuk keuntungan yang menyediakan piawaian pertukaran data terbuka untuk pelaporan perniagaan.

## YB DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ

**YB Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Disember 2015 sehingga 31 Ogos 2018.**

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Sivil dari University of Tennessee, Amerika Syarikat. YB Dato' Sri Ikmal Hisham merupakan Pengerusi MARA Incorporated Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat MARA. Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Noble (M) Twin Sdn. Bhd. dan TJM Sdn. Bhd. Selain itu, beliau turut dilantik sebagai Pengerusi Amanahraya Kenedix REIT Manager Sdn. Bhd. Beliau sebelum ini pernah dilantik sebagai Pengarah Bebas di Taiping Super Berhad dan OSK Property Holdings Berhad, di samping menjadi Pengerusi Jawatankuasa Audit OSK Property Holdings Berhad selama lebih 4 tahun. YB Dato' Sri Ikmal Hisham merupakan Ahli Parlimen Tanah Merah sejak 2013.

## YB TUAN ABDULLAH HJ. SAIDOL

**YB Tuan Abdullah Hj. Saidol dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 2 Januari 2015 sehingga 1 September 2018.**

Beliau merupakan lulusan Undang-Undang dari ITM (UiTM) dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat. Beliau pernah bekerja di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Research Institute of Investment Analysis Malaysia (RIIAM). YB Abdullah merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri N.42 Semop, Sarawak dan juga Menteri Muda Hal Ehwal Korporat Kerajaan Negeri Sarawak.

## YBHG. DATUK SERI PROFESSOR DR. HAJI KHAIRIL ANNAS BIN JUSOH

**YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Haji Khairil Annas bin Jusoh dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya mulai 1 Januari 2017 sehingga 1 Jun 2018.**

Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Pentadbiran Perniagaan dalam bidang Kepimpinan dan Politik dari Asia e University (AeU), Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Sarjana Undang-Undang Antarabangsa (LL.M) dari Universiti Cambridge dan Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian Kelas Pertama (LL.B) dari UIAM. Beliau juga telah diterima masuk sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara Mahkamah Tinggi Malaya pada 16 Januari 1996 dan juga merupakan seorang Jaksa Pendamai (JP) sejak 2009. YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Haji Khairil Annas merupakan tokoh termuda menjadi Felo Emeritus Malaysian Institute of Management (EFMIM).

YBhg. Datuk Seri Profesor Dr. Haji Khairul Annas dilantik menjadi Profesor Adjung, Felo Kanan serta Profesor Tamu di pelbagai Institusi Pengajian Tinggi. Selain terlibat dalam arena politik negara, beliau merupakan seorang penulis prolifik yang telah menyunting dan menghasilkan lebih 17 buah buku.

## YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN

**YB Dato' Hasbullah bin Osman dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 April 2017 sehingga 31 Mac 2018.**

Beliau merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dari Open University Malaysia (OUM). YB Dato' Hasbullah ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Malaysia Design Development Centre (DDE), sebuah anak syarikat MARA. Beliau juga merupakan Pengerusi Perak ITC Sdn. Bhd., sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. YB Dato' Hasbullah bin Osman merupakan Ahli Parlimen Gerik sejak 2013.

## Jumlah Kehadiran Anggota Suruhanjaya ke Mesyuarat Anggota Suruhanjaya Bagi Tahun 2018

| Anggota Suruhanjaya | Mesyuarat Anggota ke-100<br>19 Februari 2018 | Mesyuarat Anggota ke-101<br>9 April 2018 | Mesyuarat Anggota ke-102<br>30 Ogos 2018 | Mesyuarat Anggota ke-103<br>30 Oktober 2018 | Mesyuarat Anggota ke-104<br>29 November 2018 | Mesyuarat Anggota ke-105<br>17 Disember 2018 | Jumlah Kehadiran |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh** | ● | ● | ● | ● | ● | ● | **6/6** |
| **YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin** | ● | ● | ● | ● | - | ● | **5/6** |
| **YBhg. Dato' Othman bin Semail** | ● | - | ● | ● | ● | - | **4/6** |
| **YBhg. Dato' Zaidon Haji Asmuni** | ● | ● | ● | ● | ● | ● | **6/6** |
| **YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner** | ● | ● | ● | ● | ● | ● | **6/6** |
| **YB Tuan Abdullah Haji Saidol** | ● | ● | ● | Telah meletakkan jawatan sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa pada 1 September 2019 | | | **3/3** |
| **YB Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz** | - | ● | Telah meletakkan jawatan sebagai Anggota Suruhanjaya berkuat kuasa pada 1 Julai 2018 | | | | **1/2** |
| **YBhg. Datuk Seri Prof. Dr. Khairil Annas Jusoh** | - | - | Telah meletakkan jawatan sebagai anggota Suruhanjaya berkuat kuasa pada 1 Jun 2018 | | | | **0/2** |
| **YB Dato' Hasbullah Osman** | ● | Telah tamat tempoh sebagai Anggota Suruhanjaya pada 31 Mac 2018 | | | | | **1/1** |
| **YBrs. Dr. Abdul Rahman Abdullah** | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 November 2018 | | | | ● | ● | **2/2** |
| **YBrs. Encik Pawancheek Marican** | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 November 2018 | | | | ● | ● | **2/2** |
| **YBrs. Encik Tan Kee Heng** | Mula dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 November 2018 | | | | ● | ● | **2/2** |

● Hadir

\- Tidak hadir

# PENGURUSAN EKSEKUTIF



## YBHG. DATO' ZAHRAH ABD WAHAB FENNER

### Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau sebelum ini merupakan Timbalan KPE (Perkhidmatan) bermula pada tahun 2002 ketika penubuhan SSM, sebelum pelantikan beliau sebagai KPE pada 1 Januari 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan), portfolio yang dipegang oleh Dato' Zahrah termasuklah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat, Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Pematuhan, Akademi Latihan SSM (COMTRAC) dan Seksyen Komunikasi Korporat. Dato' Zahrah merupakan lulusan Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau merupakan seorang Akauntan Berdaftar dan merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Dato' Zahrah memulakan kerjaya beliau sebagai Akauntan Penasihat dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia bermula pada tahun 1984 sehingga 1992, di mana bidang kepakaran beliau merupakan penilaian dan piawaian antarabangsa hal-hal berkaitan amalan pasaran terbuka. Dato' Zahrah seterusnya berkhidmat dengan Kementerian Luar Negeri sebagai Akauntan Prinsipal bermula pada tahun 1992 sehingga 1995 dan bertanggungjawab menguruskan akaun kewangan dan proses pengauditan pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia. Lanjutan daripada itu, beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Akauntan di Pejabat Pendaftar Syarikat pada tahun 1995, sehingga pelantikan beliau sebagai Timbalan KPE (Perkhidmatan) pada tahun 2002.

Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Pendaftar Korporat (CRF) yang merupakan gabungan pendaftar-pendaftar korporat antarabangsa. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kelulusan & Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Dato' Zahrah telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah bagi Pentauliahan Pegawai Integriti Bertauliah dan turut merupakan Ahli Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF). Dato' Zahrah merupakan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (LFSA) dan Lembaga Pemantauan Audit (AOB). Beliau pernah dilantik sebagai Pengerusi Koperasi SSM bagi tempoh 2011 sehingga 2014. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Dato' Zahrah juga merupakan Ahli Lembaga Xtensible Business Reporting Language (XBRL) yang merupakan sebuah organisasi global bukan untuk keuntungan yang menyediakan piawaian pertukaran data terbuka untuk pelaporan perniagaan.

## HAJI ROSLI HAJI AHMAD

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat)



Haji Rosli Haji Ahmad dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat) pada 15 Mac 2015. Beliau mengetuai Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, Bahagian Modal Insan, Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan serta Seksyen Operasi Pejabat Negeri. Beliau telah memulakan kerjaya di Pejabat Pendaftar Syarikat sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985 dan pada tahun 1990 telah ditempatkan di Pejabat Cawangan Labuan. Pada tahun 1992, beliau bertugas sebagai Ketua Cawangan Negeri Pahang dan Negeri Melaka. Beliau kemudiannya ditukarkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat, Ibu Pejabat sebagai Ketua Unit, Bahagian Pentadbiran & Kewangan. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM, antara tahun 1999 hingga 2002. Pada tahun 2004, beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka dan kemudiannya Pengarah Negeri SSM Johor pada tahun 2006. Pada tahun 2008, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pematuhan dan seterusnya sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2014. Haji Rosli Haji Ahmad berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



## KHUZAIRI YAHAYA

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan)

Khuzairi Yahaya memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada tahun 1994. Selepas sembilan (9) tahun bersama SC, pada tahun 2003, beliau dilantik sebagai Pengurus Besar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM dan dan seterusnya sebagai Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007. Pada tahun 2010, beliau dilantik semula sebagai Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Khuzairi dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan) bermula 15 Mac 2015 di mana beliau kini menguruskan semua bahagian di bawah Operasi di SSM. Khuzairi memainkan peranan utama dalam inisiatif untuk mengubah sistem pendaftaran berasaskan kerangka utama kepada sistem berasaskan web pada tahun 2003 dan beliau juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan dalam SSM. Beliau terlibat secara langsung dalam pembangunan sistem dan proses kerja baharu yang menaikkan kedudukan Malaysia di dalam Laporan 'Ease of Doing Business World Bank' melonjak kepada tangga ke-6 bagi penilaian tahun 2014. Pada masa ini, beliau terlibat dalam pelaksanaan Pelan Transformasi SSM dengan matlamat untuk mengubah model perniagaan dan operasi SSM dengan memanfaatkan keupayaan digital.

## NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan)




Nor Azimah binti Abdul Aziz dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan) pada 1 Mei 2016. Portfolio di bawah penyeliaan beliau ialah Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan, Bahagian Pendakwaan dan Litigasi, Bahagian Pematuhan, Bahagian Siasatan dan Seksyen Aduan. Beliau mula berkhidmat di SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Polisi, Perancangan dan Pembangunan Korporat pada 2003. Kemudiannya pada April 2007, beliau dilantik sebagai Pengarah Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) dan seterusnya pada September 2010, beliau dilantik sebagai Pengarah Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat SSM. Beliau memulakan karier sebagai seorang Peguam Bela dan Peguam Cara pada tahun 1992 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun 2000 beliau telah dipinjamkan oleh UKM untuk berkhidmat di Jabatan Kawal Selia dan Piawaian, Institut Akauntan Malaysia. Nor Azimah Abdul Aziz memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Institut Teknologi Mara (kini UiTM) dan Sarjana Undang-undang Perniagaan (LLM In Business Law) dari University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom.



### AMIR AHMAD
Pengarah
Bahagian Akademi
Latihan & Pengurusan
Pengetahuan



### MUHAMAD FARIS OTHMAN
Pengarah
Bahagian Perkhidmatan
Pendaftaran



### AZNORASHIQ MOHAMED ZIN
Pengarah
Bahagian Pematuhan Korporat



### REZY IZWAN RAMLY
Pengarah
Bahagian Siasatan



### AIDA ADHHA ABU BAKAR
Pengarah
Bahagian Pendakwaan &
Litigasi



### ZARINA ABDUL SAMAD
Pengarah
Bahagian Kewangan &
Akaun



## AZIZAH ROHANI
Pengarah
Bahagian Teknologi
Maklumat & Komunikasi




## SAMSIAH IBRAHIM
Pengarah
Bahagian Modal Insan




## FARID AHMAD
Pengarah
Bahagian Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan




## NORHAIZA JEMON
Pengarah
Bahagian Pembangunan &
Perkhidmatan Perundangan




## MOHAMAD AWI IBRAHIM
Pengarah
Bahagian Pentadbiran &
Fasiliti




## MOHAMAD SHAHREN MOHAMAD YUSRI
Pengarah
Bahagian Strategi &
Komunikasi Korporat

# CARTA ORGANISASI




### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran & Perkhidmatan Perniagaan)

- Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran
- Bahagian Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
- Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi
- Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan Korporat)

- Bahagian Modal Insan
- Bahagian Kewangan & Akaun
- Bahagian Pentadbiran & Fasiliti
- Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan
- Seksyen Operasi Pejabat Negeri & Pengurusan UTC

### Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Kawal Selia & Penguatkuasaan)

- Bahagian Pembangunan & Perkhidmatan Perundangan
- Bahagian Pendakwaan & Litigasi
- Bahagian Pematuhan Korporat
- Bahagian Siasatan

# STATISTIK UTAMA 2018

## Syarikat

| Tempatan | | Asing | | Jumlah Syarikat Diperbadankan 2018 | | Jumlah Syarikat Diperbadankan Sehingga 31 Disember 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 47,292 | + | 36 | = | 47,328 | ➔ | 1,298,518 |

## Perniagaan

| Milikan Tunggal | | Perkongsian | | Jumlah Perniagaan Didaftarkan 2018 | | Jumlah Perniagaan Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2018 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 380,102 | + | 40,454 | = | 420,556 | ➔ | 7,279,636 |

## Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)

| Jumlah PLT Didaftarkan 2018 | Jumlah PLT Didaftarkan Sehingga 31 Disember 2018 |
|---|---|
| 4,430 | 18,621 |

## Kadar Pematuhan 2018

93%

## Penguatkuasaan 2018

| Bilangan pemeriksaan dijalankan ke atas syarikat | Bilangan pemeriksaan dijalankan ke atas perniagaan | Bilangan pendakwaan dijalankan ke atas syarikat | Bilangan pendakwaan dijalankan ke atas perniagaan |
|---|---|---|---|
| 788,093 | 574,210 | 7,535 | 156 |

# Pencapaian Piagam Pelanggan 2018



# AKADEMI LATIHAN DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN












## Persidangan Kebangsaan SSM 2018

Persidangan Kebangsaan SSM kali ke-8 dengan tema 'Doing Business In The Age of Disruption' telah diadakan pada 14 dan 15 Ogos 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 1,000 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan daripada pelbagai latar belakang yang mewakili sektor awam dan swasta.

Seramai 26 orang penceramah, ahli panel dan moderator dari Malaysia, Singapura, Hong Kong, Thailand dan Jepun telah membentangkan kertas semasa persidangan yang merangkumi topik-topik berikut:

- *Drivers of business disruption. What's next?*
- *Ethic and governance in the age of disruption.*
- *Disruption that are reshaping the boardroom.*
- *How to keep your business going in the age of disruption?*
- *Personal pro perty securities registration framework. Emergence of international standards for access to financing and economic growth.*
- *Reporting in the age of disruption: XBRL adoption in Malaysia and around the world.*
- *Implementation of corporate rescue mechanism in Malaysia.*
- *Post Implementation Companies Act 2016.*

# PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN




## Penyertaan Pihak Berkepentingan Dalam Program Pendidikan dan Kesedaran dari tahun 2016 hingga 2018

Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun 2018 ialah seperti di bawah:

| Program | Jumlah Sesi | Peserta |
|---|---|---|
| Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0 | 5 | 198 |
| Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 | 15 | 1,003 |
| Company Secretaries Training Programme Significant 2.0 | 9 | 372 |
| Program Pendidikan Berterusan | 79 | 5,471 |
| Program Latihan Dalaman | 13 | 402 |
| Program Kolaborasi | 194 | 8,052 |
| Persidangan Kebangsaan SSM 2018 | 1 | 1,000 |
| **Jumlah** | **316** | **16,498** |

## *Corporate Directors Training Programme Fundamental 2.0* (CDTPF 2.0)

CDTPF 2.0 secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, kakitangan korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat.

| | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| CDTPF 2.0 | **5** | 5 | 11 |
| Jumlah Peserta | **198** | 185 | 236 |

## *Company Secretaries Training Programme Essential 1.0* (CSTPE 1.0)

CSTPE 1.0 adalah kesinambungan dari Company Secretaries Training Programme Essential (CSTPE) di mana isi kandungan program ini telah dikemas kini berdasarkan AS 2016. CSTPE 1.0 ini ialah kursus wajib di bawah skim mata Pendidikan Profesional Berterusan (CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah Seksyen 235(2)(b), AS 2016.

Pada tahun 2018, sebanyak 15 program CSTPE 1.0 telah diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching yang dihadiri oleh seramai 1,003 peserta.



## *Company Secretaries Training Programme Significant 2.0* (CSTPS 2.0)

CSTPS 2.0 merupakan program susulan kepada CSTPE 1.0 dan diperkenalkan pada tahun 2013.

Sebanyak sembilan (9) program CSTPS 2.0 (2017: 6) yang dianjurkan pada tahun 2018 di Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu serta telah dihadiri seramai 372 peserta.




## *Continuing Education Programme* (CEP)

CEP dirangka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan AS 2016, sektor korporat dan pemain utama sektor ekonomi.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 79 program (2017: 56) telah diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Kuching, Sandakan dan Kota Kinabalu. Program ini telah dihadiri oleh seramai 5,471 peserta (2017: 4,598).




## Program Latihan *Malaysian Business Reporting System* (MBRS)

Program Latihan MBRS mula diperkenalkan pada tahun 2018. Terdapat 2 jenis latihan MBRS yang ditawarkan oleh SSM bersama-sama Rakan Strategik (SSM Partners) dan Penyedia Khidmat Latihan (Training Service Provider) iaitu 'Introduction to MBRS' dan 'MBRS for Preparers – Financial Statements'.

Sebanyak 19 sesi latihan 'Introduction to MBRS' dan 14 sesi latihan 'MBRS for Preparers – Financial Statements' telah dianjurkan oleh Bahagian Akademi Latihan & Pengurusan Pengetahuan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Kota Kinabalu, Kuching dan Ipoh. Kedua-dua latihan MBRS tersebut telah dihadiri seramai 3,002 peserta.

Pada bulan Januari 2018, Corporate Tea Talk (CTT) pertama mengenai MBRS telah diadakan di Kuala Lumpur. Program kesedaran percuma selama dua jam ini bertujuan memperkenalkan XBRL dan skop penyerahan di bawah MBRS. Sebanyak 10 CTT dianjurkan di seluruh Malaysia dari Januari hingga Julai 2018 dan dihadiri oleh lebih daripada 2,122 pihak berkepentingan.

Pada tahun 2018, lebih daripada 174 CTT (Peringkat Negeri) mengenai MBRS ditawarkan oleh Pejabat Negeri dan Cawangan. Program ini telah dihadiri oleh lebih daripada 3,968 pihak berkepentingan.

## Kerjasama Dengan Badan Profesional/ Organisasi

SSM telah memulakan inisiatif program kolaborasi dengan Rakan Strategik (Partners) dan Penyedia Rangkaian Latihan (TSP) di bawah SSM Trainers Development Hub bagi memenuhi keperluan latihan MBRS dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan konsisten dalam kalangan pihak berkepentingan.

**Rakan Strategik Latihan MBRS terdiri daripada:**

(a) Institut Akauntan Malaysia (MIA)
(b) Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA)
(c) Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
(d) Institut Setiausaha Syarikat Berkelayakan (IACS)

**Penyedia Rangkaian Latihan MBRS terdiri daripada:**

(a) Ernst & Young Tax Consultants Sdn. Bhd.
(b) Formis Network Sevices Sdn. Bhd.
(c) Big Dataworks Sdn. Bhd.
(d) KPMG Management & Risk Consulting Sdn. Bhd.
(e) Baker Tilly MH Consulting Sdn. Bhd.

## Seminar 'Introduction to MBRS'

Pada tahun 2018, sebanyak 102 sesi seminar 'Introduction to MBRS' telah dianjurkan bersama SSM dengan Rakan Latihan MBRS dan Penyedia Khidmat Latihan MBRS dan telah dihadiri seramai 4,653 peserta.

| Pengajur | Program | Peserta |
|---|---|---|
| Rakan Latihan (Training Partners) (MAICSA, MIA, MACS dan IACS) | 76 | 4,069 |
| Penyedia Khidmat Latihan (Training Service Providers) (Baker Tilly MH Consulting, KPMG, Big Dataworks, Formis dan Ernst & Young) | 26 | 584 |
| **Jumlah** | **102** | **4,653** |

## Seminars 'MBRS for Preparers – Financial Statements'

Pada tahun 2018, sebanyak 92 sesi seminar 'MBRS for Preparers – Financial Statements' telah dianjurkan bersama SSM dengan Rakan Latihan MBRS dan Penyedia Khidmat Latihan MBRS dan telah dihadiri seramai 3,399 peserta.

| Penganjur | Program | Peserta |
|---|---|---|
| Rakan Latihan (Training Partners) (MAICSA, MIA, MACS dan IACS) | 57 | 2,362 |
| Penyedia Khidmat Latihan (Training Service Providers) (Baker Tilly MH Consulting, KPMG, Big Dataworks, Formis dan Ernst & Young) | 35 | 1,037 |
| **Jumlah** | **92** | **3,399** |

## Program Latihan Dalaman yang Diatur Khas untuk Pelbagai Organisasi

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 13 (2017: 16) latihan dalaman untuk pelbagai organisasi telah dianjurkan, dengan jumlah peserta seramai 402 orang (2017: 1,059) yang merangkumi tajuk-tajuk berikut:

| Program | Organisasi |
|---|---|
| Company Directors Training Programme Fundamental 2.0 | Persatuan Peladang Negeri Johor |
| Companies Act 2016 | Bank Muamalat Berhad |
| Incorporation and Winding Up under Companies Act 2016 | Jabatan Insolvensi Malaysia |
| Limited Liability Partnerships & Corporate Rescue Mechanism: Corporate Voluntary Arrangement & Judicial Management | KLCC Property Sdn. Bhd. |
| Incorporation and Winding Up of Company & Company Director: Roles & Responsibilities | Jabatan Insolvensi Malaysia |
| Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part A | PETRONAS |
| Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part B | PETRONAS |
| Company Secretaries Training Programme Essential 1.0 – Part C | PETRONAS |
| Company Director Training Programme Essential | PERHEBAT |
| Corporate Directors Leadership & Integrity | INTAN |
| Company Director Training Programme Essential | IIUM Holdings Berhad |
| Company Directors Training Programme Fundamental 2.0 | Lembaga Juruukur Bahan Malaysia |
| Company Director Training Programme Essential | PERHEBAT |

## Program *Corporate Tea Talks*

Program 'Corporate Tea Talk Series' merupakan inisiatif untuk menyediakan latihan percuma terutamanya untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan profesional korporat dan usahawan tentang perkembangan pembaharuan undang-undang. Sebanyak sepuluh (10) (2017: 3) program telah diadakan pada tahun 2018 dan telah dihadiri oleh seramai 2,135 (2017: 785) orang peserta. Sepanjang tahun 2018, sebanyak empat (4) sesi telah dijalankan di Kuala Lumpur.

| | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| CTT | 10 | 3 | 8 |
| Jumlah Peserta | 2,135 | 785 | 1,368 |

## Program Latihan SSM 'Memulakan Perniagaan' dan 'Pengenalan Kepada AS 2016'

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat, SSM telah meneruskan usahanya menyediakan latihan percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan graduan, pelajar institusi pengajian tinggi dan usahawan baharu dengan tujuan mendorong semangat keusahawanan mereka.

Pada tahun 2018, SSM telah dijemput untuk mengadakan ceramah berkaitan 'Start Your Own Business: Registration of Business and Limited Liability Partnership and Incorporation of Companies' dan topik lain yang berkaitan iaitu sebanyak 47 program dengan 3,241 orang peserta yang telah menghadiri program dianjurkan.

## Kolaborasi Strategik Bersama Institut Pengajian Tinggi

### Universiti Teknologi MARA

Program Melestari Setiausaha Syarikat Bumiputera merupakan program khas kerjasama antara SSM dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Negeri Sembilan yang bertujuan untuk memberi latihan serta pembelajaran kepada alumni-alumni UiTM yang berminat untuk meneruskan kerjaya sebagai seorang Setiausaha Syarikat.

Program yang berlangsung selama 5 hari ini merangkumi kelas, sesi `berkongsi pengetahuan' bersama pengamal serta lawatan ke premis setiausaha syarikat terpilih untuk tujuan pendedahan sebelum menduduki ujian bertulis dan lulus sesi temuduga untuk mendapatkan lesen sebagai setiausaha syarikat yang sah.

Program ini dengan kerjasama UiTM dijalankan di dalam dua (2) sesi latihan yang berasingan dengan mengekalkan pendekatan pembelajaran di dalam kelas dan ceramah. Maklumat terperinci berkenaan pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

| | Program 1 (Siri 6) | Program 2 (Siri 7) |
|---|---|---|
| **Tarikh** | 23-27 April 2018 | 22-26 Oktober 2018 |
| **Tempat** | Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3 | Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3 |
| **Masa** | 8.30 pagi-5.00 petang | 8.30 pagi-5.00 petang |

Program ini merupakan kesinambungan daripada program yang telah dijalankan pada tahun 2015, 2016 dan 2017 di UiTM Seremban 3. Rumusan pencapaian siri-siri yang diadakan adalah seperti berikut:

| Siri | Tarikh | Jumlah Peserta | Lulus |
|---|---|---|---|
| 1 | 20 April-25 April 2015 | 24 | 14 |
| 2 | 30 Mei-3 Jun 2016 | 32 | 28 |
| 3 | 28 November-2 Disember 2016 | 22 | 18 |
| 4 | 15 Mei-19 Mei 2017 | 27 | 23 |
| 5 | 23 Oktober-27 Oktober 2017 | 28 | 27 |
| 6 | 23 April-27 April 2018 | 19 | 16 |
| 7 | 22 Oktober-26 Oktober 2018 | 50 | 39 |
| | **Jumlah** | **202** | **165** |

Seramai 165 orang peserta telah berjaya dilesenkan sebagai setiausaha syarikat dan ini secara tidak langsung telah memberi impak yang besar kepada pertambahan bilangan setiausaha syarikat bumiputera dan seterusnya memenuhi kehendak agenda nasional dalam memperkasa ekonomi bumiputera.

## Universiti Malaysia Kelantan

Corporate Directors Training Programme (CDTP) Siri 4 bagi tahun 2018 telah dianjurkan oleh UMK Entrepreneurship Institute, Universiti Malaysia Kelantan dengan kerjasama SSM dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Program ini telah dianjurkan pada 29 Oktober sehingga 31 Oktober 2018, bertempat di Crown Garden Hotel, Kota Bharu, Kelantan. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 109 pelajar daripada IPTA seluruh Malaysia. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada pengarah-pengarah kepada perniagaan yang dijalankan oleh mereka di Universiti.

Program ini bertujuan untuk memberi gambaran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan yang lebih jelas kepada pelajar terutamanya pengarah-pengarah perniagaan mahasiswa dari seluruh Universiti Awam. Dalam program ini, SSM berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam aspek undang-undang, tadbir urus syarikat dan perniagaan serta lain-lain perkara berkaitan. Ia juga bertujuan untuk menjelaskan garis panduan perniagaan dan undang-undang yang perlu dipatuhi oleh semua pengarah perniagaan mahasiswa universiti yang berdaftar.








MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# “ perniagaan ANDA bermula di SSM ”




SSM komited memberi perkhidmatan yang cekap dan berkualiti menerusi penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi kepuasan pelanggan

MyCoID2016 Malaysia Corporate Identity

MyLLP SSM LIMITED LIABILITY PARTNERSHIP

ezbiz ONLINE

cbid CORPORATE & BUSINESS INFORMATION DATA

MBRS Malaysian Business Reporting System

SSM BIZ TRUST

ssmofficialpage

03-7721 4000 enquiry@ssm.com.my www.ssm.com.my

Menara SSM@Sentral No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

# INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

Inisiatif pembaharuan undang-undang dan semakan semula yang telah dan sedang dilaksanakan oleh SSM:

| Akta/ Peraturan | Huraian |
|---|---|
| Penggubalan Draf Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan | Inisiatif ini melibatkan pindaan ke atas perundangan sedia ada berhubung pendaftaran perniagaan yang ketika ini dikuatkuasakan oleh SSM di bawah APP 1956. Inisiatif ini akan memastikan undang-undang berkaitan perniagaan adalah relevan dan terkini bagi mengawal selia komuniti perniagaan di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan perniagaan di Malaysia. |
| Penggubalan Draf Peraturan (Sijil Amalan) Syarikat | Penggubalan draf Peraturan (Sijil Amalan) Syarikat adalah merujuk kepada seksyen 241 AS 2016 yang menggariskan parameter-parameter bagi tujuan pendaftaran setiausaha syarikat. Melalui penguatkuasaan peraturan ini, semua individu berkelayakan yang berhasrat untuk bertindak sebagai setiausaha syarikat perlu berdaftar dengan Pendaftar tanpa mengambil kira latar belakang profesional mereka.<br><br>Ini adalah untuk memastikan standard dan profesionalisme setiausaha boleh dipantau secara berkesan melalui mekanisma pangkalan data berpusat. |
| Semakan Akta Syarikat Amanah 1949 | Semakan ke atas Akta Syarikat Amanah adalah bertujuan untuk mermperkukuhkan rangka kerja pengawal seliaan sedia ada ke atas syarikat-syarikat amanah. Inisiatif ini akan memastikan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang lebih tepat boleh diambil ke atas syarikat amanah di Malaysia. |
| Semakan dan Pindaan ke atas Kaedah-kaedah Penggulungan Syarikat 1972 | Semakan dan pindaan ke atas Kaedah-kaedah Penggulungan Syarikat 1972 adalah untuk memastikan keselarasan peraturan sedia dengan AS 2016 yang mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 dan juga menyelaraskan kaedah-kaedah tersebut dengan Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012 untuk menggantikan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 yang telah dimansuhkan. |
| Kaedah-Kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018 di bawah AS 2016 | Mekanisme Penyelamat Korporat di bawah Divisyen 8 Bahagian III AS 2016 telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018. Penggal 8, Bahagian III AS 2016 telah dikuatkuasakan pada 1 Mac 2018. Sehubungan itu, Kaedah-Kaedah (Mekanisme Penyelamat Korporat) Syarikat 2018 berkaitan dengan Pengurusan Kehakiman (Judicial Management [JM]) dan Pengaturan Sukarela Korporat (Corporate Voluntary Arrangement [CVA]) telah diperkenalkan agar keseluruhan kerangka mekanisme penyelamat di bawah AS 2016 yang dikawal selia oleh SSM dapat dilaksanakan dengan sempurna. |
| Pindaan AS 2016 | Cadangan pindaan kepada AS 2016 sedang dirangka untuk memperbaiki dan menyelesaikan jurang yang timbul berikutan pelaksanaan AS 2016 akan lebih relevan dengan keperluan semasa. |

Selain daripada inisiatif berkaitan perundangan, SSM turut mengeluarkan arahan-arahan dan nota-nota amalan berikut sepanjang tahun 2018:

**Nota Amalan**

(i) Nota Amalan No. 2/2018: Keadaan Dan Prosedur Untuk Pembetulan Dokumen-Dokumen Yang Diserah Simpan Dan Didaftarkan Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia

(ii) Nota Amalan No. 3/2018: Penjelasan Berhubung Permohonan Untuk Lanjutan Masa Di Bawah AS 2016

(iii) Nota Amalan No. 4/2018: Prosedur-Prosedur Berhubung Peletakan Jawatan Setiausaha di Bawah Seksyen 237 AS 2016

**Arahan Amalan**

(i) Arahan Amalan 4/2018 – Dokumen di bawah Division 8 Bahagian III AS 2016 iaitu *Lodgement Requirements and Related Matters*

(ii) Pindaan Arahan Amalan 2/2017 (Disemak Semula)

(iii) Pindaan Arahan Amalan 4/2018

(iv) Arahan Amalan 5/2018 – Serah Simpan Penyata Tahunan dan Perubahan atau Pengemaskinian Butir-Butir Syarikat yang Perlu Diserah Simpan dalam Penyata Tahunan

# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN PERNIAGAAN MELALUI TRANSAKSI DALAM TALIAN

| KPI | Sasaran | Pencapaian | Hasil & Impak |
|---|---|---|---|
| Memastikan aktiviti pendaftaran perniagaan mematuhi piagam pelanggan yang ditetapkan. | Pendaftaran melalui kaunter 99% | Pendaftaran melalui Kaunter 99.36% | Sijil pendaftaran dan kelulusan dapat dikeluarkan dalam tempoh ditetapkan |
| | Ezbiz Online 99% | Ezbiz Online 99.36% | Keperluan dan kehendak pelanggan terjamin |

### Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan Di Kaunter

| Borang | Piagam Pelanggan | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A) | 1 Jam | 97.07 |
| Pembaharuan Perniagaan Baharu (Borang A1) | 15 Minit | 99.36 |
| Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B) | 1 Jam | 98.37 |
| Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C) | 15 Minit | 96.76 |

### Pencapaian Piagam Pelanggan Syarikat

| Borang | Piagam Pelanggan | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Pemerbadanan Syarikat Baharu (Seksyen 14) | 1 Hari | 100 |
| Kelulusan Permohonan Nama (Seksyen 26) | 1 Hari | 100 |
| Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam (Seksyen 190) | 1 Hari | 100 |
| Perubahan Pertukaran Nama Syarikat (Seksyen 28) | 1 Hari | 100 |
| Pertukaran Status Syarikat (Seksyen 41) | 1 Hari | 100 |
| Pendaftaran Gadaian (Seksyen 352) | 2 Hari | 100 |
| Pendaftaran Prospektus | 3 Hari | 100 |

# MALAYSIA CORPORATE IDENTITY (MyCoID)

Bermula 1 Mac 2018, SSM telah melaksanakan proses serah simpan mandatori *Change Particulars of Officers* (CPO) di mana permohonan bagi perubahan maklumat pengarah, setiausaha dan pengurus perlu diserah simpan melalui serahan dalam talian.

Seterusnya, pada 29 Jun 2018, sistem MyCoID2016 telah ditambah baik dengan membolehkan serah simpan secara *Auto Register* yang melibatkan modul CPO dan *Appointment of First Company Secretary* (AFC). Penambahbaikkan pendaftaran secara *Auto Register* ini dibuat untuk memastikan tiada kelewatan untuk mendaftarkan perubahan maklumat utama syarikat. Selain itu, penetapan dan pengesahan telah disediakan agar memenuhi keperluan AS 2016 walaupun ia didaftarkan secara terus.

**Statistik MyCoID 2016**

| Transaksi | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Permohonan nama syarikat | **83,675** | 87,088 | 88,360 |
| Pemerbadanan syarikat | **47,214** | 47,690 | 42,158 |
| Pelantikan setiausaha syarikat pertama | **47,292** | 44,034 | - |
| Penyata perumpukan syer | **41,625** | 36,190 | - |
| Daftar anggota | **100,028** | 86,765 | - |
| Serah simpan perlembagaan syarikat serta e-stamping | **6,142** | 4,058 | - |
| Pemberitahuan perubahan dalam alamat berdaftar | **66,613** | 24,576 | - |
| Pemberitahuan perubahan dalam daftar pengarah, pengurus dan setiausaha | **214,660** | 77,129 | - |
| Pelantikan semula setiausaha syarikat | **26,393** | 5,455 | - |
| Pernyataan butir-butir yang ditetapkan dengan gadaian | **1,560** | 607 | - |
| **Jumlah** | **635,202** | **413,592** | **130,518** |

# PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

| Transaksi | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Pendaftaran PLT baharu | **4,327** | 3,995 | 3,207 |
| Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada perkongsian liabiliti terhad | **82** | 102 | 95 |
| Penukaran daripada syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad | **21** | 35 | 45 |
| **Jumlah** | **4,430** | **4,132** | **3,347** |

Statistik serah simpan pasca pendaftaran Perkongsian Liabiliti Terhad yang diterima adalah seperti berikut:

| Transaksi | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Perakuan tahunan | **5,729** | 4,225 | 3,119 |
| Perubahan maklumat PLT | **2,871** | 2,424 | 1,937 |
| Penukaran nama PLT | **246** | 187 | 177 |
| Pindaan & pembetulan | **78** | 44 | 46 |
| Lanjutan masa | **27** | 19 | 5 |
| **Jumlah** | **8,951** | **6,899** | **5,284** |

# PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

| Permohonan | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Permohonan lanjutan masa di bawah Seksyen 259(2) dan 340 AS 2016 | **2,582** | 1,965 | 881 |
| Permohonan pengecualian beberapa keperluan dalam kandungan penyata kewangan beraudit dan laporan pengarah di bawah Seksyen 255(1) AS 2016 | **144** | 155 | 147 |
| Permohonan pengecualian tahun kewangan anak syarikat yang tidak sama dengan tahun kewangan syarikat induk di bawah Seksyen 247(3) AS 2016 | **45** | 64 | 56 |
| Permohonan pengecualian (waiver) bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia di bawah Seksyen 575(7) AS 2016 | **57** | 67 | 68 |
| Serah simpan initial tawaran awam, prospektus ringkas dan dokumen lain yang berkaitan | **715** | 880 | 562 |
| Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat | **64** | 98 | 114 |
| **Jumlah** | **3,607** | **3,229** | **1,828** |

# SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN

Statistik permohonan penubuhan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) dalam Daftar sehingga Disember 2018 adalah sebanyak 2,455 syarikat. Jumlah ini merangkumi 1,471 SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' dan 984 SBMJ dengan perkataan 'Berhad' telah didaftarkan.




### Permohonan untuk kelulusan Menteri

| Permohonan | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan 'Berhad' pada namanya | **61** | 58 | 75 |
| Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan 'Berhad' | **39** | 51 | 58 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk mengugurkan perkataan 'Berhad' | **0** | 2 | 3 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk memiliki/ mencagar dan menjual tanah/ hartanah | **78** | 188 | 58 |
| Permohonan kelulusan Menteri bagi pelantikan pengarah baharu | **415** | 366 | 212 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai | **11** | 17 | 20 |
| Permohonan kelulusan Menteri untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **55** | 71 | 81 |
| **Jumlah** | **659** | **753** | **507** |

### Permohonan untuk kelulusan Pendaftar

| Permohonan | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| Permohonan kelulusan Pendaftar bagi pelantikan pengarah baharu | **422** | 34 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk mendapatkan sumbangan/ derma daripada orang ramai | **7** | 1 |
| Permohonan kelulusan Pendaftar untuk pindaan Perlembagaan syarikat | **19** | 8 |
| **Jumlah** | **448** | **43** |

# SKIM KEPENTINGAN

Pada tahun 2018, terdapat lapan (8) permohonan pendaftaran skim baharu yang telah diproses termasuk empat (4) permohonan yang diterima pada akhir tahun 2017. Daripada 8 permohonan tersebut, empat (4) skim telah didaftar pada tahun 2018 yang terdiri daripada satu (1) skim Taman Memorial, satu (1) skim Marina, satu (1) skim Kongsi Tani dan satu (1) skim Kelab Rekreasi.

Setakat 31 Disember 2018, empat (4) skim meliputi satu (1) Skim Kongsi Tani, dua (2) Skim Taman Memorial dan satu (1) Skim Kelab Rekreasi belum didaftarkan kerana ketiga-tiga skim berkenaan dalam proses mematuhi syarat-syarat pendaftaran sebelum dikemukakan untuk kelulusan. Sehingga 31 Disember 2018, bilangan skim kepentingan berdaftar meningkat kepada 211.

### Jumlah Skim Kepentingan Didaftarkan

| Kategori | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Golf dan Kelab Rekreasi | **72** | 72 | 72 |
| Kelab Melalui Saham | **22** | 19 | 22 |
| Kelab Rekreasi | **35** | 35 | 34 |
| Kongsi Masa | **28** | 27 | 27 |
| Marina | **10** | 9 | 9 |
| Taman Memorial | **18** | 15 | 15 |
| Kongsi Tani | **13** | 12 | 11 |
| Peralatan | **2** | 3 | 3 |
| Hartanah | **10** | 10 | 10 |
| **Jumlah** | **210** | **202** | **203** |

**PENINGKATAN NILAI KESELURUHAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR KEPADA**

**RM29.6BIL**

## Hasil dan Impak

Skim Kelab Golf dan Rekreasi merangkumi sebahagian besar daripada skim kepentingan berdaftar dengan catatan peratusan sebanyak 61.13% meliputi 72 skim diikuti oleh skim kongsi masa sebanyak 13.27%. Pendaftaran skim taman memorial meningkat sebanyak 5.88% kepada 18 skim. Pendaftaran skim kongsi masa meningkat sebanyak 3.70% kepada 28. Pendaftaran skim kongsi tani meningkat sebanyak 8.33% kepada 13 skim. Secara keseluruhan, pendaftaran skim kepentingan telah meningkat pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. Penambahan ini telah menghasilkan peningkatan nilai keseluruhan skim kepentingan berdaftar kepada RM29.6 bilion setakat 31 Disember 2018.



# PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

SSM telah mengambil pendekatan proaktif untuk mengawal selia penamatan atau penggulungan skim secara teratur seperti skim-skim yang tidak aktif tetapi masih belum ditamatkan dengan sewajarnya, skim bermasalah yang tidak lagi boleh diteruskan atau tidak lagi menguntungkan atau skim yang menanggung kerugian. SSM memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya agar penamatan atau penggulungan skim berkenaan mematuhi peruntukan undang-undang.

Antara bulan Januari dan Disember 2018, sebanyak dua (2) skim telah digulungkan menjadikan jumlah terkumpul bagi skim yang ditamatkan sehingga bulan Disember 2018 adalah sebanyak 45. Sebanyak 15 skim masih dalam proses penamatan.




### Hasil dan Impak

Penamatan atau penggulungan skim yang telah dilaksanakan mengikut undang-undang dapat membuka laluan kepada para pelabur dan pihak berkepentingan untuk mencapai penyelesaian yang adil. Contohnya, bagi sesebuah skim yang digulungkan secara sah sekiranya masih memiliki dana atau aset, terma penggulungan boleh menetapkan agar sebahagian daripada dana atau aset skim dapat dibahagikan kepada pelabur sebagai pampasan.

# GADAIAN

Statistik gadaian adalah seperti berikut:



# PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA SYARIKAT

| Tahun | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| **Penggulungan** | | | |
| Jumlah syarikat digulung | **3,059** | 2,169 | 2,764 |
| Jumlah syarikat bubar | **1,724** | 1,634 | 1,866 |
| **Pembatalan nama syarikat** | | | |
| Jumlah syarikat bubar | **67,110** | 58,712 | 56,243 |

# PENGURUSAN ASET BAGI SYARIKAT BUBAR

| Kategori | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Permohonan untuk Pendaftar mewakili syarikat bubar di bawah seksyen 556 AS 2016 | **45** | 34 | 24 |
| Peletakhakkan aset di bawah seksyen 557 AS 2016 | **35** | 5 | 26 |
| Permohonan pembelian aset syarikat bubar di bawah seksyen 558 AS 2016 | **7** | 6 | 1 |
| **Jumlah** | **87** | **45** | **51** |

# MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT

SSM telah menguatkuasakan Bahagian III, Penggal 8, Subpenggal 1 & 2 AS 2016 berkaitan Mekanisme Penyelamat Korporat (CRM) yang terdiri daripada Pengaturan Sukarela Korporat (CVA) dan Pengurusan Kehakiman (JM) pada 1 Mac 2018.

Objektif-objektif CRM adalah seperti berikut:

## OBJEKTIF CRM

a. Untuk membantu memulihkan syarikat yang mengalami masalah kewangan dan meningkatkan prestasi keuntungan syarikat;

b. Untuk membolehkan syarikat menyediakan dan melaksanakan pelan pemulihan tanpa campur tangan pemiutang-pemiutang; dan

c. Mekanisme ini memperuntukkan proses dan prosedur untuk memulihkan syarikat daripada diambil tindakan akhir untuk penggulungan syarikat.

Sejak CRM mula dikuatkuasakan, terdapat satu (1) syarikat yang telah memfailkan dokumen ke Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah CVA.

Sehingga Disember 2018, 15 syarikat telah memohon kepada Mahkamah untuk meletakkan syarikat di bawah JM. Daripada jumlah tersebut, Mahkamah telah menolak permohonan tiga (3) buah syarikat, manakala tiga (3) buah syarikat telah diletakkan di bawah JM dan sembilan (9) syarikat lagi sedang dalam proses perbicaraan di Mahkamah. Bagi memudahkan pelaksanaan CRM, Kaedah-Kaedah Syarikat (Mekanisme Penyelamat Korporat) 2018 dan Arahan Amalan 4/2018 juga telah dikuatkuasakan dan diperkenalkan pada tarikh yang sama.

| Jenis CRM | Syarikat |
|---|---|
| Pengaturan Sukarela Korporat | 1 |
| Pengurusan Kehakiman | 15 |

# PENDAFTARAN PERNIAGAAN DI KAUNTER

| | Jumlah Transaksi Di Kaunter | | |
|---|---|---|---|
| **Borang** | **2018** | **2017** | **2016** |
| Pendaftaran Perniagaan (Borang A) | **112,129** | 361,600 | 365,431 |
| Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1) | **527,918** | 620,246 | 426,845 |
| Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan (Borang B) | **146,187** | 209,104 | 205,195 |
| Pemberitahuan Penamatan Perniagaan Berdaftar (Borang C) | **27,342** | 48,632 | 30,547 |
| **Jumlah** | **813,576** | **1,239,582** | **1,028,018** |



## Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan

| Negeri | Kekerapan | Pendaftaran Perniagaan Baharu | Perubahan Maklumat | Pembaharuan Perniagaan |
|---|---|---|---|---|
| Kuala Lumpur | 81 | 175 | 13 | 53 |
| Labuan | - | - | - | - |
| Perlis | 4 | - | - | - |
| Terengganu | 45 | 647 | 262 | 981 |
| Melaka | 96 | 911 | 96 | 518 |
| Pahang | 63 | 922 | 541 | 1,367 |
| Negeri Sembilan | 93 | 1,401 | 356 | 1,591 |
| Kedah | 336 | 522 | 986 | 158 |
| Kelantan | 75 | 1,571 | 567 | 2,318 |
| Perak | 98 | 2,468 | 1,395 | 2,333 |
| Pulau Pinang | 75 | 2,391 | 1,383 | 4,943 |
| Selangor | 44 | 1,554 | 436 | 540 |
| Johor | 218 | 4,755 | 2,331 | 5,826 |
| **Jumlah** | **1,228** | **17,317** | **8,366** | **20,628** |

## Kaunter Perkhidmatan di Putrajaya

| 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | Transaksi | |
| **48,900 (Kaunter)**<br>**24,749 (Ezbiz OTC)** | 108,640 (Kaunter)<br>8,234 (Ezbiz OTC) | 141,052 |

## Kaunter Perkhidmatan di Cyberjaya

| 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|
| | Transaksi | |
| **6,438 (Kaunter)**<br>**269 (Ezbiz OTC)** | 7,984 (Kaunter)<br>142 (Ezbiz OTC) | 782 (Kaunter) |

# TRANSAKSI DI PEJABAT SSM UTC

| UTC | 2018 | | 2017 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Syarikat | Perniagaan | Syarikat | Perniagaan | Syarikat | Perniagaan |
| Kuala Lumpur | **-** | **190,018** | - | 141,108 | - | 103,387 |
| Melaka | **-** | **17,125** | 10 | 313,214 | 59 | 12,461 |
| Pahang | **-** | **27,408** | - | 11,285 | - | 29,341 |
| Terengganu | **12,188** | **38,645** | 12,765 | 38,838 | 6,362 | 12,048 |
| Perlis | **1,221** | **27,773** | - | - | - | - |

## Data Maklumat Korporat dan Perniagaan (CBID)




# EZBIZ KIOSK

| Location | Unit | Tarikh Operasi |
|---|---|---|
| SSM Kedah | 1 | 27 Jun 2018 |
| SSM Sungai Petani, Kedah | 1 | 27 Jun 2018 |
| SSM Perak | 2 | 29 Jun 2018 |
| SSM Perlis | 1 | 29 Jun 2018 |
| SSM Negeri Sembilan | 1 | 3 Julai 2018 |
| SSM Temerloh, Pahang | 1 | 4 Julai 2018 |
| SSM UTC Terengganu | 1 | 10 Julai 2018 |
| SSM Muar, Johor | 2 | 11 Julai 2018 |
| SSM Kelantan | 2 | 12 Julai 2018 |
| SSM Melaka | 1 | 12 Julai 2018 |
| SSM Pulau Pinang | 1 | 12 Julai 2018 |
| SSM UTC Melaka | 1 | 12 Julai 2018 |
| SSM Selangor | 1 | 20 Julai 2018 |
| SSM Pahang | 1 | 20 Julai 2018 |
| SSM UTC Pahang | 1 | 20 Julai 2018 |
| SSM Langkawi, Kedah | 1 | 13 November 2018 |

Jumlah transaksi EzBiz Kiosk adalah seperti berikut:












# SKIM 1 PELAJAR 1 PERNIAGAAN (SKIM 1P1P)

Sehingga Disember 2018, seramai 37,683 pelajar IPT telah mendaftar perniagaan di bawah Skim 1P1P melibatkan peruntukan sebanyak RM2,282,069.60. Rajah di bawah menunjukkan pecahan bentuk perniagaan dan jantina bagi Skim 1P1P.

## PENDAFTARAN SKIM 1P1P MENGIKUT JENIS PERNIAGAAN




## PENDAFTARAN SKIM 1P1P MENGIKUT JANTINA




## PAKEJ INSENTIF ORANG KELAINAN UPAYA



# SSM BIZTRUST

SSM BizTrust menyediakan satu (1) platform kepada pengusaha-pengusaha perniagaan dalam talian bagi meningkatkan keyakinan pelanggan semasa membuat transaksi secara dalam talian melalui paparan logo (seal) SSM BizTrust pada laman sesawang/ media sosial/ blog perniagaan. Logo SSM BizTrust telah diiktiraf sebagai cap dagangan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 1 Mac 2018.




# KHIDMAT NASIHAT PERNIAGAAN

Unit Khidmat Nasihat Perniagaan SSM diperkenalkan pada 3 Julai 2017 sebagai salah satu cara penambahbaikan penyampaian perkhidmatan di SSM. Unit ini bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan perundingan yang berkualiti dan holistik dengan memberikan maklumat terkini mengenai kemudahan proses persediaan perniagaan di Malaysia.

Pada tahun 2018, satu (1) Bengkel Pelaksanaan Fungsi Khidmat Nasihat Perniagaan telah berjaya diadakan pada 24-26 September 2018. Bengkel ini telah dihadiri oleh 12 agensi dengan kehadiran seramai 20 orang peserta. Di antara objektif-objektif mengadakan bengkel ini adalah:

a) Mewujudkan satu kerjasama dalam menyalurkan maklumat terkini kepada golongan peniaga yang hadir di kaunter SSM di seluruh negara atau yang membuat pertanyaan kepada pihak agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan berhubung fungsi SSM;

b) Menyelaras dan berkongsi maklumat yang betul dan tepat dari agensi dan pihak berkepentingan dalam membantu memberi khidmat nasihat kepada peniaga baharu; dan

c) Memperincikan dan menambah baik maklumat mengenai persediaan perniagaan yang diperlukan oleh agensi dan pihak berkepentingan berkenaan SSM dan sebaliknya.

# PUSAT PANGGILAN SSM

| Transaksi | 2018 | 2017 | 2016 |
|---|---|---|---|
| Jumlah panggilan diterima | **196,551** | 191,248 | 112,334 |
| Jumlah emel diterima | **95,398** | 78,592 | 30,351 |
| Jumlah faks diterima | **399** | 652 | 804 |
| **Jumlah** | **292,348** | **270,492** | **143,489** |

# INKUBATOR

SSM dengan kerjasama RS Centre Cube Sdn Bhd telah mengambil inisiatif mewujudkan pusat sehenti atau inkubator yang berfungsi sebagai pusat penyediaan perkhidmatan sewaan pejabat peniaga-peniaga dalam talian yang menetap di Sarawak untuk menjalankan perniagaan secara dalam talian dan mendaftarkan perniagaan di bawah APP 1956. Sehingga Disember 2018 sebanyak 259 perniagaan telah didaftarkan menggunakan perkhidmatan inkubator.

Setiap perniagaan yang berdaftar melalui inkubator mestilah menggunakan alamat utama perniagaan seperti berikut:

**LG-03, SME Technopreneur Center 3**
**Blok 3740, Persiaran APEC, Cyber 8**
**63000, Cyberjaya, Selangor**

# PRODUK BAHARU

Pembangunan produk baharu oleh SSM perlu sentiasa dilaksanakan bagi memastikan SSM dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pihak berkepentingan sejajar dengan permintaan industri terhadap maklumat sesebuah entiti perniagaan di Malaysia. Pada tahun 2018, SSM telah memperkenalkan tiga (3) produk baharu yang boleh diperolehi secara dalam talian melalui portal MyData-SSM iaitu:

**a**

**Butir-butir setiausaha syarikat**

Maklumat setiausaha sesebuah syarikat secara terperinci yang mengandungi maklumat asas syarikat, maklumat setiausaha syarikat terkini dan maklumat setiausaha syarikat terdahulu yang telah diperkenalkan pada 29 September 2018.

**b**

**Profil firma juruaudit**

Maklumat sesebuah firma juruaudit yang berdaftar dengan SSM yang mengandungi butir-butir firma juruaudit, butir-butir cawangan juruaudit, butir-butir juruaudit yang terkini dan butir-butir juruaudit yang terdahulu yang telah diperkenalkan pada 29 September 2018.

**c**

**Penyenaraian syarikat**

Penyenaraian syarikat yang terdiri daripada empat (4) pakej merupakan maklumat syarikat yang diekstrak mengikut kriteria-kriteria yang disuai padan berdasarkan kehendak pelanggan. Bermula 22 Disember 2018, SSM telah memperkenalkan Penyenaraian syarikat Pakej A iaitu senarai syarikat yang mengandungi maklumat asas syarikat, alamat berdaftar syarikat, alamat perniagaan syarikat dan kod perniagaan syarikat.

# SISTEM PELAPORAN PERNIAGAAN MALAYSIA

Malaysian Business Reporting System atau akronimnya, MBRS merujuk kepada platform serah simpan berdasarkan format eXtensible Business Reporting Language (XBRL) format. MBRS membolehkan serah simpan bagi Penyata Tahunan (PT), Penyata Kewangan dan Laporan (PK) serta Permohonan Pengecualian berkaitan PT dan PK.




Prinsip pembangunan MBRS adalah berdasarkan AS 2016, Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS) dan Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS). MBRS adalah platform elektronik yang membolehkan syarikat menyerah simpan penyata tahunan, penyata kewangan dan sebarang pengecualian khusus berkaitan dengannya melalui sistem digital. Platform ini akan membolehkan serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan syarikat tanpa penggunaan kertas, meningkatkan kebolehpercayaan, ketepatan masa dan ketepatan maklumat korporat yang difailkan serta memperkenalkan tandatangan digital bagi tujuan keselamatan serah simpan. Pelancaran MBRS telah diadakan pada 27 September 2018 di Auditorium Tun Dr. Hasmah, Menara SSM@Sentral oleh YB Tuan Chong Chieng Jen, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna.




# DIGITAL CTC

Digital CTC merupakan satu transformasi perkhidmatan pengesahan dokumen secara manual kepada digital melalui gabungan teknologi pengimejan dokumen berkanun, tandatangan digital, *date time stamping* dan Quick Response Code (QR code) dengan ciri-ciri keselamatan.




Ketika ini, SSM merupakan satu-satunya agensi yang menawarkan Digital CTC kepada pelanggan yang mana proses tandatangan digital ini dilaksanakan oleh Pos Digicert Sdn Bhd (Pos Digicert) selaku pihak berkuasa pemerakuan berlesen (Certification Authority) yang diluluskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 dan Peraturan Tandatangan Digital 1998.




Melalui Digital CTC, SSM telah memperolehi pelbagai anugerah dan pengiktirafan seperti IDC Digital Transformation Awards 2018 Kategori Information Visionary pada 9 Oktober 2018 dan DX Awards Kategori Information Visionary pada 25 Oktober 2018.

# PROGRAM TRANSFORMASI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

## Pendigitalisasi Perkhidmatan Korporat dan Perniagaan SSM

SSM melihat Inisiatif Pendigitalisasi (Digitalisation Initiative) sebagai salah satu daripada strategi yang berdaya saing untuk meningkatkan taraf perkhidmatan SSM khususnya serta taraf kemesraan Kerajaan Malaysia terhadap persekitaran ekonomi digital secara amnya. Justeru, fokus telah diberikan untuk meningkatkan keupayaan teknikal dari sudut prasarana teknologi maklumat serta kemahiran sokongan. Melalui program transformasi SSM (SSMTP) inisiatif-inisiatif telah diambil untuk menangani keperluan pembangunan perkhidmatan yang baharu. Tiga aktiviti utama berikut yang menyokong Inisiatif Pendigitalisan telah berjaya dilaksanakan bermula tahun 2017 sehingga 2018.

## Gerbang Perkongsian Maklumat SSM (SSM Middleware System)

Malaysia telah memulakan inisiatif data terbuka melalui pembangunan ekosistem yang menghubungkan agensi kerajaan, industri, akademik serta masyarakat umum seawal tahun 2014. SSM juga menyambut baik dasar data terbuka ini dengan mengadakan kolaborasi antara agensi dengan mewujudkan sistem MyCoID yang bertujuan untuk menghubungkan maklumat perniagaan dan syarikat kepada badan-badan pengawal selia yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Pertubuhan Keselamatan Sosial, SME Corporation Malaysia dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Bagi meningkatkan lagi keupayaan kolaborasi ini, SSM telah memperkenalkan inisiatif Gerbang Perkongsian Maklumat SSM atau juga dikenali sebagai 'SSM Middleware System' yang menggunakan perkongsian data standard yang terbuka. Objektif utama pelaksanaan sistem ini adalah bagi membolehkan perkongsian maklumat dalam talian secara masa nyata. Hasilnya, sebarang pelaburan berkaitan integrasi sistem dapat diminimumkan kerana antara muka yang tersedia dapat diguna pakai semula oleh semua pihak. Masa pembangunan juga dapat dipercepatkan kerana para pengatur cara tidak lagi dibebankan dengan penciptaan kod-kod baharu.

### Konsep

Gerbang Perkongsian Maklumat SSM merupakan satu pelantar perkongsian yang menjadi antara muka kepada sebarang transaksi dalam talian antara sistem perkomputeran. Ia bertindak menyatukan komunikasi sistem dalaman dan sistem luaran supaya wujud satu kaedah dan protokol terbuka yang sama bagi membolehkan integrasi sebarang jenis pertukaran data sama ada dari sistem legasi atau sistem baharu berlaku dengan cekap dan berkesan.

Secara umumnya perkhidmatan integrasi yang telah dibangunkan akan disenaraikan di dalam katalog perkhidmatan Gerbang Perkongsian Maklumat SSM. Pihak yang ingin berintegrasi dengan sistem maklumat SSM akan memilih maklumat yang terkandung di dalam katalog tersebut. Selepas permohonan dari katalog tersebut disahkan, skema dan manual integrasi akan dibekalkan bagi tujuan kemudahan pengatur cara di pihak ketiga. Pelantar pengujian juga akan disediakan untuk menguji keberkesanan perkhidmatan dari sudut pengguna sistem pihak ketiga tersebut. Jika maklumat yang dibekalkan tidak menepati keperluan integrasi atau perkhidmatan yang diperlukan tidak tersenarai di dalam katalog, permohonan pembangunan akan dimajukan untuk tujuan pertambahan perkhidmatan. Proses ini akan sentiasa diperbaharui bagi tujuan penambahbaikan berterusan serta memastikan dinamik perkhidmatan dapat ditangani dari semasa ke semasa.

### Keberhasilan

Buat masa ini, kesemua integrasi pihak ketiga dengan sistem maklumat SSM telah pun 100% dilaksanakan melalui pelantar ini. Ia telah memberikan gambaran jelas tentang prestasi serta keperluan pertukaran maklumat yang seterusnya akan memudahkan perancangan strategi dan peningkatan kualiti perkhidmatan SSM pada masa-masa yang akan datang.

## Penaiktarafan dan Pembaharuan Teknologi (Technology Refresh)

SSM telah mengambil langkah bagi memastikan teknologi yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan semasa bagi menampung keperluan Sistem Korporat SSM. Dengan itu, BTMK telah menjalankan Penaiktarafan dan Pembaharuan Teknologi bagi rangkaian dan juga Pusat Data SSM.

Penaiktarafan teknologi perlu dilakukan antara lain:

1. **Mengelakkan teknologi usang yang menyebabkan:**
   (a) Pelayan (server) tidak dapat menampung perisian-perisian baharu;
   (b) Rangkaian tidak dapat menampung peralatan infrastruktur rangkaian yang baharu;
   (c) Rangkaian tanpa wayar yang tersangkut akibat penggunaan perkakasan lama; dan
   (d) Perkakasan dan perisian yang tidak lagi mempunyai sokongan dari pembekal.

2. **Mengekalkan keselarasan trend dan inovasi dalam industri ICT seperti jalur lebar yang tinggi, penyelesaian VOIP canggih dan trend terkini modem.**

3. **Penambahbaikan persekitaran ICT dengan ketersediaan tinggi bagi menyokong operasi SSM dengan Pusat Data Utama (PDC) dan Pusat Data Sekunder (SDC) dengan konfigurasi aktif-aktif bagi menyokong sistem-sistem baharu.**

   (a) Konfigurasi Aktif-Aktif melalui PDC dan SDC
   - Ketersediaan berterusan;
   - Memfokuskan kepada ketersediaan sistem berbanding pemulihan;
   - Keupayaan bagi menjalankan penyelenggaraan tanpa gangguan sistem dan
   - Mengurangkan gangguan sistem bagi mencapai operasi yang berterusan.

   (b) Pelayan (server), Storan dan Data Sandaran
   - Penaiktarafan pelayan yang menawarkan prestasi yang lebih tinggi dari sudut ketersediaan sistem, pengukuhan penyatuan dan keupayaan kemayaan (virtualization) dan ciri-ciri perlindungan data dan keselamatan bagi menjamin ketahanan sistem;
   - Storan yang mampu menampung pertambahan data berskala serta fleksibel bagi permintaan yang tidak dijangka;
   - Perisian automasi bagi prestasi tinggi data sandaran dan pembaikpulihan daripada cakera/ pita untuk membolehkan operasi 24x7 dapat dijalankan; dan
   - Menggunakan pelayan maya berbanding pelayan fizikal dapat menambah baik pengurusan berpusat, memudahkan penyelenggaraan dan sokongan, menjimatkan tenaga elektrik serta kerentanan sesuatu perkhidmatan tidak akan mengganggu perkhidmatan yang lain.

# INFRASTRUKTUR KESELAMATAN IT

Di bawah Program SSMTP, salah satu komponen selain daripada Projek Penaiktarafan Teknologi adalah Projek Infrastuktur Keselamatan IT.

(a) Projek Infrastruktur Keselamatan ini merupakan satu contoh transformasi keselamatan siber dan maklumat yang dilaksanakan oleh satu agensi kerajaan dalam meningkatkan fungsi dan peranannya di dalam digital ekonomi. Ini dilaksanakan dengan mengambil langkah menangani risiko keselamatan siber dan maklumat dalam dunia digital secara proaktif.

(b) Dengan fungsi dan peranan SSM sebagai pengawal selia korporat Malaysia yang menjaga maklumat-maklumat korporat dan perniagaan negara, projek ini merupakan satu langkah signifikan dalam memastikan keselamatan maklumat-maklumat berkenaan terpelihara.

(c) Keperluan keberhasilan projek ini yang meletakkan perlindungan di semua peringkat kepada pengguna dalaman, rangkaian, aplikasi dan pengkalan data sistem-sistem SSM meletakkan satu tanda aras yang tinggi kepada penyelesaian keselamatan siber yang dilaksanakan dalam projek ini. Tanda aras ini meletakkan keperluan minimum kepada perlindungan keselamatan maklumat dan perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh pihak kerajaan dan agensinya dalam menangani ancaman keselamatan siber.

(d) Hasil dari iltizam ini, SSM telah menerima anugerah *'Cyber Security Project of the Year'* daripada *Malaysia Cyber Security Awards* (MCSA) pada 26 September 2018 yang lalu. Anugerah ini disampaikan sewaktu Forum CSM-ACE iaitu satu acara keselamatan siber berprestij yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia dengan kolaborasi bersama *National Cyber Security Agency* (NACSA) dan diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara.

(e) MCSA diadakan sebagai penghargaan kepada individu dan organisasi atas inisiatif pembangunan keselamatan siber atau keselamatan maklumat di Malaysia. Anugerah ini diberikan sebagai pengiktirafan kepada komitmen, inovasi, kepimpinan industri/ barangan/ perkhidmatan dan strategi perniagaan mampan berkaitan keselamatan siber dan maklumat. Anugerah ini bukan sekadar mengiktiraf usaha-usaha profesional dan organisasi dalam bidang keselamatan siber dan maklumat, tetapi juga sebagai penggalak inovasi dan kerjasama strategik antara pengamal keselamatan siber tempatan dan industri ICT bagi memastikan kepentingan dan perkembangan yang berterusan keselamatan siber dalam landskap ICT Malaysia

(f) Anugerah 'Cyber Security Project of the Year' diberikan kepada projek yang telah menunjukkan prestasi contoh pada tahun 2018 di Malaysia. Pencalonan untuk anugerah ini dinilai mengikut kriteria-kriteria berikut:

- Reka bentuk Rangka Kerja Keselamatan dan Skop Projek – Kerumitan, saiz, tempoh, keluasan impak;
- Inisiatif Keselamatan – Impak inisiatif keselamatan projek kepada organisasi dan komuniti;
- Teknologi dan Inovasi – Kaedah dan Pendekatan -– elemen teknologi, proses dan manusia yang terlibat dari aspek keselamatan maklumat dan pengurusan risiko serta kejayaan integrasi elemen-elemen ini; dan
- Keberhasilan Projek – Kejayaan projek dari segi menepati masa yang ditetapkan, menggunakan bajet yang disediakan serta mencapai objektif projek. Projek juga perlu memperlihatkan nilai tambah kepada perkhidmatan selain penjajaran strategi keselamatan dan strategi perniagaan serta menyumbang kepada industri keselamatan siber negara serta perkembangan keselamatan siber di Malaysia.






# PERANCANGAN MASA DEPAN

Adalah dijangkakan, melalui misi SSM yang bergerak di atas pelantar teknologi pantas atau 'Agile Techology' ini, kaedah pembangunan pantas juga perlu digunakan untuk memenuhi kehendak semasa. Diharapkan inisiatif seumpama ini akan memastikan SSM kekal relevan dalam memacu Revolusi Perindustrian 4.0 dalam kitaran hayat ekonomi digital dunia.

# PENGURUSAN ARKITEK ENTERPRISE

Mulai 2 Februari 2017, SSM telah meluluskan dan menguatkuasakan Seksyen Pengurusan Arkitek Enterprise. Antara tugas dan tanggungjawab utama yang telah digariskan adalah untuk melaksanakan pengurusan arkitek enterprise berpandukan kepada rangka kerja TOGAF, garis panduan dan prosedur yang ditetapkan.

Pelaksanaan pengurusan arkitek enterprise adalah bertujuan untuk membolehkan SSM mengurangkan pemecahan pembangunan projek ICT di setiap bahagian/ seksyen/ pejabat negeri, meningkatkan keupayaan setiap bahagian/ seksyen/ pejabat negeri untuk berkongsi maklumat, meningkatkan keupayaan pengguna luaran (awam) untuk mengakses maklumat, mengenal pasti peluang perkhidmatan integrasi (end-to-end), dan membolehkan SSM mempunyai pandangan menyeluruh tentang penggunaan teknologi bagi memastikan perancangan teknologi dan pembangunan dasar yang lebih baik dapat dicapai.

Visi arkitek enterprise SSM adalah menyediakan platform teknologi agil dan bersepadu bagi sistem pendaftaran dan sistem sokongan yang mampu mencapai kecekapan yang lebih tinggi dengan pengurusan, pengumpulan, perkongsian dan analisa data yang lebih baik. Antara prinsip-prinsip asas arkitek enterprise SSM adalah seperti berikut:

(a) Automasi proses;
(b) Integrasi data dan perkakasan perisian tengah (middleware);
(c) Digitalisasi data;
(d) Entiti perniagaan yang dipacu oleh maklumat;
(e) Pemberian Infrastruktur Utama Awam;
(f) Memperbaharui teknologi infrastruktur;
(g) Menubuhkan data terbuka; dan
(h) Mewujudkan kesedaran.

Antara aktiviti dilaksanakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

| Kategori | Aktiviti |
|---|---|
| Teknologi | Migrasi Repositori EA SSM (Orbus iServer) kepada versi terkini (2017 FP1). |
| Proses | Melaksanakan Kaji Selidik Tahap Kesedaran Enterprise Architecture dalam kalangan warga kerja SSM. Seksyen EA telah menguruskan 1 Change Request untuk projek XBRL dan 2 Change Request untuk projek ERP yang telah dibawa ke Enterprise Architecture Board (EAB) untuk kelulusan. |
| Sumber Manusia | (a) Melaksanakan Program Kesedaran bagi Ahli Enterprise Architecture Board (EAB) pada 12-14 April 2018 di Ramada Plaza, Melaka.  |

| Kategori | Aktiviti |
|---|---|
| Sumber Manusia | (b) Melaksanakan Bengkel Kepatuhan Garis Panduan dan Pekeliling Enterprise Architecture di SSM pada 20-22 Disember 2018 di Hotel Everly, Putrajaya. |





# STRUKTUR ORGANISASI BAHARU SSM

SSM telah melaksanakan Program Transformasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSMTP) bermula tahun 2015 dan dijangka tamat pada tahun 2021. SSM bertanggungjawab dalam memastikan semua perubahan berkaitan sumber manusia dilaksanakan secara berperingkat termasuk perubahan struktur organisasi, pengisian perjawatan baharu, penyediaan pelan latihan dan pelbagai lagi inisiatif yang tersenarai di dalam Rangka Tindakan SSMTP.

# PENGAMBILAN

Sepanjang tahun 2018, seramai 44 orang pekerja baharu daripada pelbagai gred telah melapor ke pelbagai Bahagian, Seksyen dan Pejabat Negeri. Selain itu, seramai 38 orang pekerja telah dinaikan pangkat ke pelbagai jawatan dan gred di pelbagai Bahagian, Seksyen dan Pejabat Negeri. Berikut adalah statistik kemasukan pekerja baharu dan kenaikan pangkat bagi tahun 2018:

| Jawatan | Status Kemasukan | |
|---|---|---|
| | Pekerja Baharu | Kenaikan Pangkat |
| Pengurusan Kanan | - | 1 |
| Pengurusan Pertengahan | - | 5 |
| Eksekutif | 32 | 30 |
| Kumpulan Sokongan | 12 | 2 |
| **Jumlah** | **44** | **38** |

Pada tahun 2018, sebanyak enam (6) sesi temuduga telah diadakan yang melibatkan sejumlah 169 orang calon dalaman dan luaran. Sebanyak enam (6) sesi ujian psikometrik telah dijalankan yang melibatkan sejumlah 295 orang calon dalaman dan luaran.

## KURSUS INDUKSI KAKITANGAN

Kursus Induksi 2018 SSM telah diadakan pada 12-19 Mac 2018 di Outward Bound Malaysia, Lumut dan Serene Resort & Training Center, Janda Baik. Program ini telah disertai seramai 72 orang kakitangan baharu.










## KURSUS *COACHING* UNTUK KUMPULAN PENYELIA 1 DAN 2

Program ini telah dilaksanakan dalam dua (2) sesi iaitu pada 12-15 Julai 2018 bagi sesi pertama dan 4-7 Oktober 2018 bagi sesi kedua. Program ini telah berlangsung dengan jayanya di Pulse Grande Hotel, Putrajaya dan telah dihadiri oleh 57 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri.







## PROGRAM PEMANTAPAN KECEMERLANGAN KEPIMPINAN SSM (ALL STARS)

Program telah berlangsung di Royale Chulan Damansara, Petaling Jaya, Selangor pada 16-20 September 2018 dan telah dihadiri oleh 53 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri.



## PROGRAM PELAN PEMBANGUNAN PRESTASI (PEP)

Program telah diadakan di De Palma Eco-Resort, Kuala Selangor pada 22 April 2018 hingga 24 April 2018 dan telah dihadiri oleh 17 orang peserta daripada Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri.

## KURSUS SKIM LATIHAN 1 MALAYSIA (SL1M)

Bermula 15 Januari 2018, SSM telah menempatkan 30 orang peserta SL1M bagi tujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran (employability) peserta dalam menimba pengalaman sepanjang tempoh menjalani latihan di SSM. Sepanjang tempoh ini, peserta telah didedahkan dengan pelbagai ilmu dan kemahiran bagi meningkatkan tahap kecekapan masing-masing. Program latihan yang telah diadakan adalah seperti berikut:

| Perkara | Suku 1 | Suku 2 | Suku 3 |
|---|---|---|---|
| Tarikh | 23-26 Januari 2018 | 5-7 Jun 2018 | 18 September-1 Oktober 2018 |
| Program | Kem Bina Semangat | Program *Ready for Takeoff* | Peningkatan Kemahiran Peserta SL1M |
| Tempat | Cheringin Hills Convention & Spa Resort Janda Baik | Bilik Latihan Korporat, Menara SSM@Sentral | Bilik Latihan Korporat, Menara SSM@Sentral |



## PENCAPAIAN SSM DI 'THE 18TH MALAYSIA – INTERNATIONAL HR AWARDS 2018' ANJURAN MALAYSIAN INSTITUTE OF HUMAN RESOURCES MANAGEMENT (MIHRM)

SSM telah menyertai pertandingan Malaysia International Awards 2018 dalam kategori Organisational – Employer of Choice (Public/ Social) pada 9 Julai 2018. Pertandingan ini merupakan satu acara tahunan yang dianjurkan oleh Malaysian Institute of Human Resources Management (MIHRM). Objektif utama penganjuran pertandingan ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada organisasi yang terbukti berjaya menjadi rakan niaga yang strategik dan penting kepada pekerja dan pelanggan untuk mencapai matlamat organisasi. Pertandingan ini juga berfungsi sebagai platform menilai dan meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia di samping memberi pengiktirafan kepada organisasi yang mengamalkan piawaian cemerlang dalam bidang sumber manusia.

Anugerah ini telah disampaikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia iaitu YB Dato Mahfuz Omar pada Majlis Makan Malam *'The 18th Malaysia – International HR Awards 2018'* yang diadakan pada 16 November 2018 di Sunway Resort & SPA Hotel, Subang.









## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018

SSM telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 yang dirasmikan oleh Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, Menteri KPDNHEP. Majlis ini telah dianjurkan bersama SSM, Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Maktab Koperasi Malaysia pada 6 Mac 2018 di Dewan Tun Razak, Menara Kembar Bank Rakyat. Majlis tersebut telah dihadiri seramai 600 orang tetamu dari agensi yang terlibat dan seramai 65 orang pekerja SSM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.



## BIASISWA SSM

Pada tahun 2018, SSM telah memperkenalkan kemudahan biasiswa kepada pekerja dan anak-anak mereka. Kemudahan biasiswa SSM ini ialah untuk pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda (terbuka kepada pekerja dan anak-anak mereka), Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (terbuka kepada pekerja sahaja) di institusi pengajian tinggi awam atau institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia sahaja. Sehingga November 2018, seramai dua (2) orang anak pekerja telah menerima biasiswa ini.

## SSM DI KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF KPDNHEP 2018 DAN ANUGERAH INOVASI KPDNHEP 2018

SSM telah diwakili oleh enam (6) pasukan KIK dalam Konvenyen Inovatif dan Kreatif KPDNHEP dan Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018 yang telah diadakan pada 29-30 Oktober 2018 dan 27-28 November 2018.




Hasil daripada penyertaan tersebut, kumpulan Dynamic 10 telah dinobatkan sebagai Juara Anugerah Inovasi KPDNHEP 2018. Kumpulan Detective Conan mendapat tempat ketiga untuk Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018 dan kumpulan Fusebiz diumumkan sebagai pemenang Anugerah Dokumentasi Terbaik Kumpulan Inovatif dan Kreatif KPDNHEP 2018.







## KONVENSYEN INOVATIF DAN KREATIF SSM 2018

Majlis Konvensyen Inovatif dan Kreatif SSM 2018 telah dianjurkan buat julung kalinya pada 28 Jun 2018. Sebanyak 22 kumpulan dari pejabat SSM di seluruh Malaysia telah berentap di konvensyen ini. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.

Konvensyen ini dianjurkan bertujuan untuk menyemarakkan serta membudayakan inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga kerja SSM di samping memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja yang terlibat dalam KIK. Selain itu, konvensyen ini dapat mengenal pasti idea-idea baharu yang boleh diaplikasikan di SSM bagi meningkatkan sistem penyampaian dan seterusnya menyediakan pasukan terbaik bagi mewakili SSM dalam pertandingan Konvensyen Inovatif dan Kreatif di peringkat Kementerian dan Kebangsaan.












## BUKU KOD ETIKA KAKITANGAN SSM

Pada 13 Februari 2018, Buku Kod Etika Kakitangan Edisi 2017 telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner, Ketua Pegawai Eksekutif SSM.







## PELAN INTEGRITI SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Pelan Integriti SSM (PISSM) 2018-2020 telah dilancarkan pada 7 Mac 2018 yang merupakan salah satu tunjang dalam tadbir urus korporat SSM.

Objektif utama Pelan Integriti SSM diwujudkan adalah untuk meningkatkan serta mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap budaya integriti yang dipraktikkan oleh SSM. Pencapaian ini dapat direalisasikan dengan kewujudan pelan integriti di SSM dengan penumpuan seperti berikut:

(a) Meningkatkan pemahaman integriti warga kerja SSM:
(b) Mempromosikan dan membudayakan nilai-nilai murni, beretika dan berintegriti dalam kalangan warga kerja SSM;
(c) Mewujudkan jalinan kerjasama yang utuh dalam kalangan warga kerja SSM; dan
(d) Meningkatkan tahap kesedaran dan tanggungjawab warga kerja kepada SSM.






# PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

CRM merupakan proses pengurusan yang membantu organisasi untuk mengenal pasti risiko-risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan serta menyediakan pelan pengurusan risiko yang sistematik sehingga mewujudkan tadbir urus terbaik yang boleh mencegah amalan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Taklimat Pengenalan CRM telah diadakan di Movenpick Convention Centre, Sepang pada 11 Oktober 2018. Taklimat telah dihadiri oleh 42 pegawai yang terdiri daripada Pengurusan Eksekutif, Pengarah-Pengarah Negeri dan Pengurus Cawangan SSM. Taklimat CRM telah disampaikan oleh Puan Salwa Muharam, Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya, Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya.

SSM telah menganjurkan pelbagai program berkaitan integriti dan disiplin:

## PROGRAM

### TAKLIMAT MENGENAI 'KESEDARAN BAHAYA NAJIS DADAH'

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
29 Januari 2018
Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah
Menara SSM@Sentral









### TAKLIMAT MENGENAI TRANSFORMASI NATIONAL 2050 (TN50)

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bertajuk
'Menangani Cabaran Baharu Integriti Malaysia'
7 Mac 2018
Dewan Utama
Menara SSM@Sentral

## CERAMAH INTEGRITI 'TUMBUK RUSUK PENGKISAHAN DARI TIRAI BESI'

4 Mei 2018
Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah
Menara SSM@Sentral






## TAKLIMAT MENGENAI 'BAHAYA DADAH'

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)
28 Jun 2018
Pejabat SSM Kelantan









## TAKLIMAT PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
11 Oktober 2018
Movenpick Convention Centre, Sepang

## HARI INTEGRITI SSM PERINGKAT ZON MALAYSIA TIMUR

15 November 2018
Pejabat SSM Sabah





## TAKLIMAT BAHAYA NAJIS DADAH

AADK Sabah
15 November 2018
Pejabat SSM Sabah

## KUNJUNGAN HORMAT KE SABAH ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION (SEDCO)

16 November 2018
Pejabat Perbadanan
Pembangunan Ekonomi Sabah






## TAKLIMAT PENGENALAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH

6 Disember 2018
Bilik Latihan Korporat
Menara SSM@Sentral







## BENGKEL PENAMBAHBAIKAN MANUAL PROSEDUR KERJA (MPK)

Seksyen Integriti & Disiplin
13-15 Disember 2018
Hotel Concorde, Shah Alam

MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# TINGKATKAN
# *KEYAKINAN PELANGGAN*
# DENGAN PAPARAN LOGO

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

BIZ TRUST

SSM BizTrust adalah piawaian yang boleh diperolehi oleh entiti perniagaan secara dalam talian melalui perakuan yang dikeluarkan oleh SSM di mana entiti tersebut telah mematuhi prinsip dan kriteria SSM BizTrust yang telah ditetapkan

- Entiti berdaftar dengan SSM
- Mempunyai laman web/media sosial
- Mematuhi etika perniagaan dalam talian

**PERCUMA**
**SEHINGGA**
**30 DISEMBER 2020**

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web
https://biztrust.ssm.com.my

03-7721 4000 enquiry@ssm.com.my www.ssm.com.my
Menara SSM@Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

ssmofficialpage

# PENGLIBATAN DAN KERJASAMA

## PIHAK BERKEPENTINGAN

### Forum Pendaftar Korporat 2018

Program ini telah diadakan di Gaborone International Convention Center (GICC) Grand Palm Hotel Casino dan bertemakan 'Corporate Registries, A Critical Vehicle For Global Economic Growth'. Program anjuran Companies and Intellectual Property Authority (CIPA) pendaftar korporat Botswana bersama dengan Corporate Registers Forum (CRF) ini berlangsung selama lima (5) hari iaitu 21 hingga 25 Mei 2018.

Seramai lebih daripada 192 orang perwakilan dari benua Asia, Eropah, Afrika, Amerika Selatan dan Oceania yang merupakan pendaftar syarikat atau wakil pendaftar di negara masing-masing. SSM telah membentangkan satu kertas kerja yang bertema 'Self-sustainable registries – funding models that work – the Malaysian Model.' Antara topik yang dibincangkan semasa CRF 2018 antaranya adalah seperti berikut:

*(a) Beneficial ownership and investors;*
*(b) Self-sustainable registries – funding models that work;*
*(c) Competition Authority, Australia, South Africa Corporate registries, Investor protection and fair competition;*
*(d) The nexus between Corporate registries and financial intelligence;*
*(e) Delivering exceptional End-to-End Online User Experience; dan*
*(f) Putting legal reforms into practice.*

Selaku badan kawalselia pendaftaran perniagaan di Malaysia, penyertaan SSM di forum ini adalah kritikal bagi memastikan Malaysia dapat menyumbang kepada amalan perniagaan terbaik peringkat dunia.

### European Commerce Registers' Forum (ECRF) 2018

ECRF 2018 telah diadakan di University of Gibraltar, Gibraltar bertemakan 'Moving With the Challenges of Digital Technologies' berlangsung selama tiga (3) hari iaitu 5 hingga 7 Jun 2018. Penganjur ECRF 2018 adalah Companies House Gibraltar iaitu pendaftar korporat Gibraltar bersama dengan European Commerce Registers' Forum (ECRF).

Lebih daripada 120 orang perwakilan dari benua Eropah serta negara lain termasuk Malaysia, Singapura, Timor Leste, Amerika Syarikat yang merupakan pendaftar syarikat atau wakil pendaftar di negara masing-masing. Forum ini menampilkan penceramah-penceramah yang membuat pembentangan berkenaan pelbagai isu antara lainnya seperti berikut:

*(a) Security of Open Data;*
*(b) Compliance with the requirements of the General Data Protection Regulation by public business registries; the confluence of transparency and privacy rights;*
*(c) Focus on recent developments in the area of Fintech and DLT;*
*(d) Blockchain – a challenge to the established order. An alternative to centralised Intellectual Property Registers; dan*
*(e) Cryptocurrencies, ITO's, ICO'S.*

Antara isu-isu yang berkaitan dengan SSM dan Malaysia yang dibincangkan dalam persidangan tersebut adalah isu-isu mengenai pengauditan, perakaunan dan percukaian untuk 'cyrptocurrencies'. Peranan pendaftar syarikat di seluruh dunia akan berubah kerana 'cyrptocurrencies' akan menjadi sebahagian daripada infrastruktur ekonomi dunia pada masa hadapan.

### Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF)

Objektif CPCF adalah untuk menggalakkan kerjasama yang lebih erat antara SSM, ahli-ahli badan yang ditetapkan dan persatuan setiausaha syarikat yang anggotanya terlibat dalam amalan kesetiausahaan syarikat.

CPCF telah menyediakan platform bagi wakil badan yang ditetapkan, setiausaha berlesen dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk membincangkan dan memperhalusi perkara-perkara berkaitan dengan amalan, dasar dan rangka kerja undang-undang korporat syarikat.

Pada tahun 2018, satu (1) sesi CPCF utama dan tiga (3) mesyuarat Jawatankuasa Kecil CPCF telah diadakan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah A.**

# AHLI CPCF

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- The Malaysia Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA);
- Malaysia Institute of Accountants (MIA);
- The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);
- The Malaysia Bar;
- Malaysia Association of Company Secretaries (MACS);
- Institute of Approved Company Secretaries (IACS);
- Malaysia Corporate Counsel Association (MCCA);
- The Advocates Association of Sarawak;
- Sabah Law Association; dan
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) [diwakili oleh Khazanah Nasional Berhad dan Bumiputera Commerce Holdings Berhad].

## 1

**Mesyuarat Jawatankuasa CPCF Dipengerusikan oleh SSM**

**Tarikh: 22 Mei 2018**

**Dihadiri oleh wakil daripada:**
MAICSA, MACS, IACS, MICPA, Khazanah Nasional Berhad, MIA, CIMB Group, Majlis Peguam, MCCA

**Perkara yang dibincangkan:**
- *Updates on Companies Act 2016*
- *World Bank Doing Business Report 2018*
- *BBPC 6/2017 on Business Review Report*
- *Introduction to MBRS Submission Platform*
- Latihan MBRS SSM 2018
- Persidangan Kebangsaan SSM 2018
- SSM BizTrust
- Isu Operasi

## 2

***CPCF – Restructuring Insolvency and Practice Sub-Committee***

**Tarikh: 2 Mei 2018**

**Perkara dibincangkan:**
- Draf Garis Panduan Kaedah Mekanisme Penyelamat Korporat 2018
- Draf Garis Panduan Kelayakan Penyelesai Syarikat di bawah seksyen 433 AS 2016

## 3

***CPCF – Secretarial Practice Sub-Committee***

**Tarikh: 17 Oktober 2018**

**Perkara dibincangkan:**
- Dokumen perundingan draf cadangan Peraturan (Sijil Amalan) Syarikat 2019

## 4

***CPCF – Restructuring Insolvency and Practice Sub-Committee***

**Tarikh: 12 November 2018**

**Perkara dibincangkan:**
- Garis Panduan Kaedah Mekanisme Penyelamat Korporat 2018

## Penyertaan Dalam Kaji Selidik Organisasi Antarabangsa

Penyertaan SSM dalam kaji selidik antarabangsa dan soal selidik sepanjang tahun 2018 ditunjukkan dalam **Rajah B**. Penyertaan tersebut dijangka dapat mengukuhkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai destinasi pelaburan yang menggalakkan. Pada tahun 2018, SSM terlibat dengan kaji selidik berikut:

| Penganjur | Kaji Selidik | Ringkasan |
|---|---|---|
| Bank Dunia | *Doing Business Report 2019* | *Doing Business Report 2019 (DB2019)* merupakan siri ke 16 laporan tahunan yang mengukur aspek-aspek peraturan perniagaan dan impaknya ke atas penubuhan dan operasi sesebuah perniagaan. Tumpuan utama DB2019 yang merangkumi 190 negara ekonomi ialah – 'Latihan Untuk Pembaharuan'. Negara ekonomi dinilai berdasarkan kepada peraturan perniagaan dan kemudahan menjalankan perniagaan, yang merupakan petunjuk bagi menunjukkan setakat mana kondusifnya persekitaran perundangan dalam memudahkan penubuhan dan pengoperasian syarikat tempatan di dalam negara.<br><br>Berdasarkan *World Bank Doing Business Report 2019*, Malaysia dilaporkan antara 20 negara ekonomi teratas di dunia. Malaysia menduduki tempat ke-15 dalam kalangan negara ekonomi yang dikaji, berbanding kedudukan ke-24 pada tahun sebelumnya.<br><br>Kedudukan yang bertambah baik ini menandakan bahawa Malaysia meneruskan pembaharuan dan usaha yang mantap untuk menambah baik persekitaran perniagaan di negara ini. Tindakan susulan telah diambil berdasarkan kepada saranan pembaharuan yang dikemukakan oleh kumpulan Bank Dunia.<br><br>SSM terlibat secara aktif dan memberikan input untuk *Doing Business Report 2019* dalam empat (4) bahagian penilaian spesifik atau petunjuk seperti berikut:<br>*(a) Starting a Business;*<br>*(b) Resolving Insolvency;*<br>*(c) Getting Credit;* dan<br>*(d) Protecting Minority Investors.* |
| Pertubuhan Antarabangsa Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) | *Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes* | Forum Global adalah kesinambungan forum yang diwujudkan pada awal tahun 2000 dalam konteks kerja OECD untuk menangani risiko pematuhan cukai yang dibangkitkan oleh bidang kuasa yang tidak bekerjasama.<br><br>Forum Global mempunyai 154 ahli dalam kedudukan yang sama dan dipantau secara mendalam mengikut piawaian antarabangsa berhubung pertukaran maklumat percukaian antarabangsa.<br><br>Melalui proses *peer review* yang mendalam, Forum Global memantau ahli-ahlinya melaksanakan sepenuhnya piawaian ketelusan dan pertukaran maklumat yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian utama seperti berikut:<br>(a) Ketersediaan maklumat;<br>(b) Akses kepada maklumat; dan<br>(c) Pertukaran maklumat. |
| Bank Negara Malaysia/ FATF | *Analytical Tactic Report* | Berdasarkan semakan yang dibuat oleh FATF ke atas *Recommendation 8 (Non-profit Organizations)* pada tahun 2016, Malaysia telah menyerahkan Laporan *Re-rating Analytical Toolkit Report* untuk menilai semula pematuhan teknikal Malaysia terhadap Cadangan baharu. Tujuan laporan ini adalah untuk menangani jurang yang dikenal pasti oleh FATF berdasarkan laporan yang dibuat berhubung undang-undang di bawah bidang kuasa SSM. |
| | *Malaysia's Third Follow Up Report (FUR)-Request for Input (Revised Input)* | Berdasarkan Penilaian Mutual yang dijalankan bagi tahun 2014/2015, Malaysia telah diletakkan di bawah proses 'enhanced follow-up' yang memerlukan laporan kemajuan dan pembetulan jurang setiap tahun.<br><br>Ini adalah laporan susulan ketiga yang dibuat oleh Malaysia selepas penilaian dan SSM merupakan salah satu badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas input *Beneficial Owner* (BO) di bawah AS 2016 untuk memastikan jurang yang dikenal pasti oleh FATF ditangani. |

| Penganjur | Kaji Selidik | Ringkasan |
|---|---|---|
| Bank Negara Malaysia/ FATF | *Domestic Review & National Risk Assessment: Malaysia's Non-Profit Organisation (NPO) Sector* | Pelaksanaan Penilaian Risiko adalah sebahagian daripada proses penilaian bersama untuk mengukur kepatuhan Malaysia terhadap keperluan FATF bagi sektor NPO di Malaysia berkaitan dengan pembiayaan keganasan. Tujuan laporan ini adalah untuk memperbaiki keseluruhan tadbir urus NPO di Malaysia. |
| Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) | *Malaysia Article IV Consultation* | IMF akan mengadakan *Article IV Consultation* untuk Malaysia dan salah satu bidang tumpuan adalah isu tadbir urus dan rasuah di Malaysia. Oleh itu, SSM telah menyumbang dari segi rangka kerja undang-undang dan tindakan penguatkuasaan yang diambil untuk memantapkan ketelusan individu perundangan dan aturan perundangan yang ditubuhkan di Malaysia berdasarkan undang-undang yang dikawal selia oleh SSM. |

## Jawatankuasa Khas Mengenai Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (MPSI)

SSM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas mengenai Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (MPSI) untuk menangani isu-isu dan kesan kerangka MPSI ke atas pelbagai pendaftaran semasa yang berlainan di Malaysia di mana aset bergerak didaftarkan. Jawatankuasa Khas juga ditubuhkan untuk mencadangkan polisi yang bersesuaian ke arah memperkenalkan rangka kerja perundangan bagi memenuhi keperluan untuk mewujudkan, menerbitkan dan menguatkuasakan kepentingan bercagar di Malaysia. Rangka kerja perundangan tersebut juga diharap dapat memastikan penubuhan daftar yang disatukan berhubung transaksi bercagar. Jawatakuasa Khas telah mengeluarkan laporan akhir pada 12 Disember 2018.

Jawatankuasa Khas terdiri daripada ahli-ahli dari pelbagai Kementerian, Agensi dan organisasi seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah C.**

### JAWATANKUASA KHAS MPSI

- Kementerian Kewangan;
- Bank Negara Malaysia;
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- Kementerian Pengangkutan Malaysia;
- Jabatan Pengangkutan Jalan;
- Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutua;
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
- Badan Peguam Malaysia;
- Jabatan Peguam Negara;
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia;
- Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia;
- Persatuan Bank-Bank Malaysia;
- Persatuan Bank-Bank Islam Malaysia;
- Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia;
- Persatuan Institusi-Institusi Pembangunan Kewangan Malaysia; dan
- Dua (2) wakil dari kumpulan guaman.

### PENYAMPAIAN UTAMA

Menyediakan Rang Undang-Undang Harta Alih Kepentingan Bercagar (MPSI) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Mesyuarat pertama dan menyelesaikan isu-isu berikut:

- Impak rangka kerja baharu ke atas Kementerian atau agensi lain
- Pemansuhan atau pindaan undang-undang yang sedia ada di mana peruntukan dalam undang-undang tersebut akan dimasukkan ke dalam perundangan baharu yang dicadangkan berkaitan dengan transaksi bercagar
- Pemulihan kepentingan keselamatan

### MESYUARAT

- Mesyuarat Pertama: 19 Februari 2018
- Mesyuarat Kedua: 13 September 2018
- Mesyuarat Ketiga: 12 Disember 2018 (Mesyuarat Terakhir)

Semua mesyuarat dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Jamil bin Salleh, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Pengerusi SSM.

### Bengkel APEC Berhubung 'One-Stop Shops For Starting A Business (From Theory To Best Practice)'

SSM mewakili Malaysia dalam Bengkel APEC berhubung 'One-Stop Shops For Starting A Business (From Theory To Best Practice)' yang diadakan pada 11 Ogos 2018 di Port Moresby, Papua New Guinea.

Bengkel ini yang dianjurkan oleh Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) secara langsung menyumbang kepada inisiatif *ease of doing business* (EoDB) bagi kriteria memulakan perniagaan (Starting a Business) dengan memberi tumpuan kepada 'one-stop shops' (*single windows*) yang dilaksanakan oleh negara APEC bagi tujuan mendaftarkan perniagaan baharu. Bengkel ini mengkaji one-stop shops dari segi:

- kebolehcapaian, ketelusan, perkongsian maklumat dan perkhidmatan pelanggan;
- membincangkan bagaimana one-stop shops dapat membantu membawa lebih banyak perusahaan tidak rasmi ke sektor formal; dan
- mengkaji peranan teknologi one-stop shops dan inovasi dalam mengukuhkan peluang untuk formalisasi dan pertumbuhan perniagaan.

Melalui perkongsian amalan terbaik dalam kalangan negara APEC, bengkel ini mengenal pasti peluang untuk inovasi *one-stop shops*, pembinaan keupayaan, pengurusan perubahan, dan kejayaan operasi.

### Simposium 'Secured Transactions Law in Asia'

Simposium 'Secured Transactions Law In Asia' yang dianjurkan oleh Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Oxford telah diadakan di Singapura dari 26 hingga 27 Julai 2018. Objektif sesi pembelajaran adalah seperti berikut:

- untuk mendapatkan maklumat berhubung pengalaman negara-negara Asia seperti Thailand, Vietnam, Indonesia, Taiwan, Jepun, Korea dan Filipina dalam proses perbadanan korporat dan rangka kerja undang-undang bersepadu bagi pendaftaran transaksi terjamin (*secured transactions*);
- untuk memahami Akta berhubung pendaftaran harta alih peribadi yang digunakan di negara-negara yang telah lama menguatkuasakan akta berkaitan seperti Kanada dan Sepanyol; dan
- sebagai penanda aras dan untuk memahami proses perundingan umum yang dijalankan oleh negara-negara Asia yang lain.

### 2nd ASEAN Policy Dialogue On 'Starting A Business'/ 3rd Meeting of ASEAN Task Force on Starting A Business

Dialog ini telah diadakan pada 2 dan 3 April 2018 di Luang Prabang PDR. Objektif utama dialog ini adalah untuk mewujudkan satu forum bagi perkongsian dasar, amalan terbaik dan instrumen yang relevan serta pembelajaran antara agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bagi PKS dan memulakan perniagaan, pihak berkepentingan sektor swasta, organisasi pembangunan, institut penyelidikan dalam Negara-negara Anggota Asia (AMS) dengan tujuan untuk memudahkan pembaharuan kawal seliaan, pembangunan dasar, pelaksanaan program untuk mengukuhkan prestasi perusahaan mikro formal, perniagaan keluarga, sama ada dengan mengukuhkan pertubuhan yang sedia ada atau dengan mendaftar sebagai entiti formal.

Ini adalah di bawah objektif keseluruhan pembaharuan perundangan, memudah dan merasionalisasi prosedur dalam memulakan perniagaan di AMS ke arah mengharmonikan prosedur memulakan perniagaan di ASEAN. Dialog polisi menyumbang ke arah memastikan ekosistem permulaan perniagaan yang progresif dan fasilitatif. SSM telah membuat pembentangan bagi berkongsi pengalaman melaksanakan program-program sokongan bagi menformulasikan perniagaan di Malaysia.

## SESI DIALOG SSM BERSAMA USAHAWAN DALAM TALIAN

Lebih seratus usahawan hadir pada sesi dialog bersama usahawan dalam talian yang julung kali diadakan oleh SSM pada 2 Mei 2018. Sesi dialog ini turut mendapat kerjasama Persatuan Usahawan Internet Malaysia (PUIM) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM). Sesi dialog ini bertujuan untuk memperkenalkan produk SSM BizTrust kepada para usahawan dalam talian selain berkongsi buah fikiran.



## JERAYAWARA KELAB LAZADA

SSM selaku rakan strategik Lazada telah turut serta dalam siri jelajah Lazada di Nexus Connection, Bangsar South yang dianjurkan pada 7 Julai 2018. Program ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada usahawan baharu yang mendaftar di platform Lazada berkenaan etika ketika menjalankan perniagaan secara sah dan mengikut etika yang baik secara dalam talian.



## PELANCARAN KEMPEN #JOMJUAL

Kempen #JomJual telah dilancarkan pada 13 Ogos 2018 oleh Ketua Pegawai Eksekutif SSM, YBhg. Dato' Zahrah Abd Wahab Fenner. Kempen ini merupakan inisiatif bagi menggalakkan warga kerja SSM mengenali dan mempromosi produk dan perkhidmatan SSM.




## JELAJAH UPTOWN

SSM telah mengambil inisiatif untuk turun padang dan bertemu para peniaga di *uptown* dan kawasan sekitarnya. Dua lokasi sasaran adalah di Uptown Puchong Night Bazaar dan Uptown Danau Kota, masing-masing pada 12 Oktober 2018 dan 19 Oktober 2018. SSM menawarkan perkhidmatan pendaftaran perniagaan, pembaharuan perniagaan serta khidmat nasihat. Selain itu, SSM turut memperkenalkan produk SSM BizTrust kepada usahawan yang mempunyai platform dalam talian untuk menjalankan perniagaan.



## PROGRAM LANJUTAN E-USAHAWAN LEVEL UP ANJURAN PERBADANAN EKONOMI DIGITAL MALAYSIA (MDEC)

SSM telah menyertai Program Lanjutan eUsahawan Level Up anjuran MDEC sebanyak dua kali iaitu pada 1 November 2018 dan 12 November 2018, masing-masing bertempat di WORQ, Taman Tun Dr. Ismail dan ibu pejabat MDEC, Cyberjaya. MDEC telah mewajibkan pendaftaran SSM BizTrust kepada semua peserta eUsahawan Level Up sebagai syarat yang membolehkan mereka terpilih sebagai 50 peserta akhir bagi tahun 2018.






## SESI TAKLIMAT BERSAMA KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN DAN BADAN KORPORAT

Sesi taklimat ini merupakan langkah proaktif oleh Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan dalam usaha mempromosikan produk dan perkhidmatan SSM. Antara produk dan perkhidmatan SSM yang diperkenalkan adalah maklumat perniagaan dan syarikat, maklumat data korporat dan perniagaan (CBID), *Digital Certified True Copy (Digital CTC), Attestation of Company Good Standing (ACGS)*, SSM BizTrust, ezBiz dan lain-lain.



## MAJLIS PENGHARGAAN UNTUK SEPULUH (10) PELANGGAN TERBAIK MYDATA-SSM DAN SSM E-INFO SERTA TIGA (3) CAWANGAN TERBAIK EJEN PERKHIDMATAN SSM

Pada 2 Ogos 2018, SSM telah menganjurkan majlis penghargaan kepada sepuluh (10) pelanggan yang telah membuat pembelian tertinggi kepada maklumat korporat SSM melalui portal perkhidmatan MyData-SSM dan portal perkhidmatan SSM e-info serta tiga (3) cawangan terbaik Bank Simpanan Nasional (BSN) & Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM) yang telah membuat kutipan hasil tertinggi pada tahun 2017.

Majlis ini dihadiri oleh lebih kurang 60 jemputan yang dirasmikan oleh Encik Khuzairi Yahaya, Timbalan ketua Pegawai Eksekutif (Pendaftaran dan Perkhidmatan Perniagaan).





# SSM BIZTRUST

Program berkaitan SSM BizTrust sepanjang tahun 2018:

| Program | Tarikh |
|---|---|
| *Malaysia Digital Economy Forum* 2018, Bangunan MITI, Kuala Lumpur | 8 Februari 2018 |
| *First Student Entrepreneurship Programme* (1st STEP), Gombak, Selangor | 8 Februari 2018 |
| *BizFair*, Batu Kurau, Perak | 9-11 Mac 2018 |
| Hari Terbuka Kementerian Kewangan (MOF), Putrajaya | 22 Mac 2018 |
| Sesi Taklimat Bersama Persatuan Penyewa Medan MARA, Bangunan MARA, Kuala Lumpur | 29 Mac 2018 |
| Hari *Vendor Procurement & Supply Chain* TNB, Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur | 2 April 2018 |
| Program Jalinan Strategik SSM Bersama Setiausaha Syarikat 01/2018 | 5 April 2018 |
| *Malaysia-Thailand Cross Borders Commerce*, Menara MITI, Kuala Lumpur | 27 April 2018 |
| Sesi Dialog SSM bersama Usahawan *Online*, Menara SSM, Kuala Lumpur | 2 Mei 2018 |
| MDEC: *Islamic Digital Economy* @ WORQ, TTDI, Kuala Lumpur | 15 Mei 2018 |
| *Lazada KL Roadshow*, Nexus Connection, Bangsar | 7 Julai 2018 |
| Hari Bersama SSM BizTrust, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 9-10 Julai 2018 |
| Malaysia dan MDEC, Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur | 26 Julai 2018 |
| Persidangan Kebangsaan SSM 2018, Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor | 14-15 Ogos 2018 |
| Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2018, Menara Berkembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur | 13 September 2018 |
| Bangi Bisnes Fiesta 2018, Sherwood Hotel Bangi, Selangor | 22 September 2018 |
| Majlis Pelancaran *Malaysian Business Reporting System* (MBRS), Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 27 September 2018 |
| Program Lanjutan *Level Up* eUsahawan, WORQ, TTDI, Kuala Lumpur | 1 November 2018 |
| Program Lanjutan *Level Up* eUsahawan, Bangunan MDEC, Putrajaya | 12 November 2018 |
| Hari Bersama SSM BizTrust, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 13 November 2018 |
| *TMEF Tech Summit*, One City, Subang Jaya, Selangor | 15 November 2018 |
| Hari Bersama SSM BizTrust, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 21 November 2018 |

## SSM BIZRUN

BizRun 2018 anjuran SSM yang buat pertama kali diadakan pada 18 Ogos 2018 telah mendapat pengiktirafan daripada *Malaysia Book of Records* (MBOR). Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail telah merasmikan acara larian yang berlangsung di Padang Merbok, Kuala Lumpur telah memecahkan rekod MBOR dari segi jumlah penyertaan syarikat yang mengambil bahagian dalam larian 10KM dan 5KM. Acara tersebut telah menerima penyertaan sebanyak 740 buah syarikat berdaftar dengan lebih 5,000 orang peserta.



## PROJEK INSPIRASIKU

SSM telah menganjurkan Malam Anugerah Projek Inspirasiku buat julung kalinya pada 28 November 2018 yang telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Projek ini bertujuan membuka peluang kepada para usahawan berkongsi kisah mereka mengharungi cabaran dalam perjalanan perniagaan sehingga berjaya. Projek Inspirasiku telah bermula pada akhir tahun 2017 dan menerima lebih daripada 1,000 penyertaan daripada para usahawan yang menghantar kisah inspirasi dan kejayaan masing-masing untuk dinilai oleh juri yang dilantik oleh SSM. Walau bagaimanapun, hanya 12 orang peserta sahaja yang dipilih untuk ke peringkat akhir bagi menentukan juara Projek Inspirasiku pada kali ini. Selain itu, para pemenang juga akan dilantik sebagai Ikon SSM yang akan turut serta di dalam program-program yang dianjurkan oleh SSM untuk memberikan perkongsian dan motivasi kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan.




## SENARAI PROGRAM ANJURAN SSM

| Program | Tarikh |
|---|---|
| *Lunch with Editors*, Majestic Hotel, Kuala Lumpur | 6 Februari 2018 |
| *First Student Enterpreneurship Programme* (1st STEP), Kolej Vokasional Gombak, Selangor | 8 Februari 2018 |
| Program #JomPicnic, Taman Tasik Perdana, Kuala Lumpur | 10 Februari 2018 |
| Majlis Jalinan Kasih, Pusat Jagaan Al-Fikrah, Kajang, Selangor | 24 Februari 2018 |
| Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur | 6 Mac 2018 |
| *BizFair* SSM, Batu Kurau, Perak | 10-11 Mac 2018 |
| *First Student Enterpreneurship Programme* (1st STEP), Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Pahang | 11 Mac 2018 |
| Program *Youngpreneurs Go!* (YPGO!), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Muadzam Shah, Pahang | 13-14 Mac 2018 |
| *BizFair* SSM, Dataran Bandaraya, Kota Kinabalu, Sabah | 20-21 Mac 2018 |
| *First Student Enterpreneurship Programme* (1st STEP), Kolej Vokasional Matang, Sarawak | 28 Mac 2018 |
| Malam Media KPDNHEP, Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur | 3 April 2018 |
| Karnival *Online Networking Entrepreneurs* (ONE SSM), CityOne Kuching, Sarawak | 30 Mac-1 April 2018 |
| Program Kayuhan Amal Kasih Generasiku Sayang, Rumah Generasiku Sayang, Tumpat, Kelantan | 14 April 2018 |
| Sambutan Ulang Tahun SSM ke 16, Auditorium Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 16 April 2018 |
| Program Turun Padang Parlimen Larut di DUN Selama dan DUN Batu Kurau, Perak | 19-20 April 2018 |
| *First Student Enterpreneurship Programme* (1st STEP), Kolej Vokasional Kuala Kangsar, Perak | 26 April 2018 |
| Program Penyerahan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat SSM, Pusat Jagaan Titian Kaseh, Kuala Lumpur | 29 April 2018 |
| Program Penyerahan Zakat dan Tanggungjawab Sosial Korporat SSM, Universiti Malaysia Perlis | 3 Mei 2018 |

| Program | Tarikh |
|---|---|
| Program Turun Padang KPDNHEP: Sehari Bersama SSM, DUN Kubu Gajah, Perak | 5 Mei 2018 |
| Program Rakaman Rancangan Raya RTM Bersama SSM, Rumah Penghulu Abu Seman, Kuala Lumpur | 12 Mei 2018 |
| Majlis Berbuka Puasa SSM, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 1 Jun 2018 |
| Majlis Aidil Fitri SSM, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 29 Jun 2018 |
| *First Student Entrepreneurship Programme* (1st STEP), Sekolah Menengah Teknik Johor Bahru, Johor | 23 Julai 2018 |
| Majlis Pelancaran Kempen #JomDengarLaguPatriotik Sempena Bulan Kemerdekaan dan Lawatan YBM ke SSM, Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur | 1 Ogos 2018 |
| *BizFair* SSM, The Hills Shopping Mall Kuching, Sarawak | 10-11 Ogos 2018 |
| Persidangan Kebangsaan SSM 2018, Sunway Pyramid Convention Centre, Selangor | 14-15 Ogos 2018 |
| Larian SSM *(BizRun)*, Padang Merbok, Kuala Lumpur | 18 Ogos 2018 |
| Kayuhan Kasih dan Program Sentuhan Kasih SSM Bersama YBM, Dewan KEDA Relau, Kulim, Kedah | 2 September 2018 |
| Majlis Pelancaran Malaysian Business Reporting System (MBRS), Auditorium Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 27 September 2018 |
| Karnival Online Networking Entrepreneurs (ONE SSM), Mydin Mall Gong Badak, Terengganu | 5-6 Oktober 2018 |
| *First Student Entrepreneurship Programme* (1st STEP), Kolej Vokasional Kulim, Kedah | 13-14 Oktober 2018 |
| Program *Youngpreneurs Go!* (YPGO!), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah | 27-28 Oktober 2018 |
| Malam Anugerah Projek Inspirasiku, Auditorium Tun Dr Siti Hasmah, Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur | 28 November 2018 |
| Kayuhan Amal SSM Bersama Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Gopeng, Ipoh, Perak | 8 Disember 2018 |
| Kayuhan Amal SSM & I LOVE Penang Bersama YBM, Pantai Jerejak, Bayan Lepas, Pulau Pinang | 15 Disember 2018 |

## Senarai Lawatan ke SSM

| Program | Tarikh |
|---|---|
| Lawatan daripada Bank Dunia | 23 Januari 2018 |
| UNITEN, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Muadzam Shah, Pahang | 5 Februari 2018 |
| Kolej MAHSA | 13 Februari 2018 |
| Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Universiti Putra Malaysia (UPM) | 10 April 2018 |
| Universiti Selangor | 13 April 2018 |
| UiTM Shah Alam | 17 April 2018 |
| Kolej Komuniti Bentong | 25 April 2018 |
| Sekolah Seven Skies Islamic International School, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor | 8 Mei 2018 |
| International University of Malaya-Wales | 5 Julai 2018 |
| Kolej Seri Stamford & International University of Malaya-Wales | 27 Julai 2018 |
| IRAMA | 3 Ogos 2018 |
| United International Technology Management College | 9 Ogos 2018 |
| Lembaga Peperiksaan Malaysia | 16 Ogos 2018 |
| Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) – Penubuhan Taska SSM | 4 September 2018 |
| Jabatan Caruman, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 3 Oktober 2018 |
| Universiti Putra Malaysia, International University of Malaya – Wales dan Sekolah Menengah Integrasi Tahfiz Ilmuan | 16 Oktober 2018 |
| Global Institute of Studies | 19 Oktober 2018 |
| Universiti Teknologi Mara Puncak Alam | 30 Oktober 2018 |
| Lembaga Hasil Dalam Negeri | 31 Oktober 2018 |
| Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) | 1 November 2018 |
| Universiti Teknologi Mara Puncak Alam | 16 November 2018 |
| Universiti Selangor | 28 Disember 2018 |

| Seksyen 132(1) AS 1965: Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat. | **-** | - | 1 |
| Seksyen 132(2)(c) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat. | **1** | - | - |
| Seksyen 132(2)(d) AS 1965: Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan peluang dalam syarikat yang dia sedari. | **-** | - | - |
| Seksyen 364(2) AS 1965: Individu yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan. | **12** | 8 | 7 |
| Seksyen 370(1) AS 1965: Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan. | **-** | 61 | 20 |
| **Jumlah** | **31** | **74** | **68** |

# SABITAN PENDAKWAAN PADA TAHUN 2018

Jumlah sabitan dan jumlah denda yang dikenakan oleh Mahkamah adalah seperti di bawah:

| Kategori | Kesalahan Tadbir Urus Korporat | Kesalahan Lazim |
|---|---|---|
| Syarikat | - | 650 |
| Pengarah | 5 | 82 |
| Pemilik/ Perniagaan Individu | - | 7 |
| **Jumlah** | **5** | **739** |

# LITIGASI

Pada tahun 2018, jumlah kes fail sivil yang dikendalikan adalah sebanyak 522 (kenaikan sebanyak 11.4% berbanding tahun 2017). Mahkamah telah memberikan keputusan penting dalam beberapa kes di mana SSM terlibat. Jenis-jenis fail yang dikendalikan ialah seperti berikut:

| Kategori | Jumlah Fail yang Dibuka | | |
|---|---|---|---|
| **Tahun** | **2018** | **2017** | **2016** |
| Kes Mahkamah | **522** | 408 | 440 |
| Pandangan Perundangan | **2** | 4 | 27 |
| Projek/ Mesyuarat | **-** | 1 | 2 |
| Pelbagai | **13** | 12 | 6 |
| **Jumlah** | **537** | **425** | **475** |

Kes-kes sivil yang dikendalikan oleh SSM meliputi isu-isu berikut:

(a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (Seksyen 555 AS 2016);
(b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (Seksyen 361 AS 2016);
(c) Permohonan di bawah Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778);
(d) Permohonan berkaitan dengan pindaan pada dokumen di bawah AS 2016 (Seksyen 602 AS 2016); dan
(e) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

**Ulasan Kes Sivil Penting Melibatkan SSM**

**Saman Pemula No: Ja-22Ncvc-223-11/2016**
**Mahkamah Tinggi Johor Bahru**
**Choong Shin Cheong**
**V**
**Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

Dalam kes ini, Choong Shin Cheong ("CSC"), Plaintif adalah pembubar syarikat Pentamont Development Sdn Bhd (No. syarikat: 580415-M) ("Pentamont") yang dilantik menurut Perintah Mahkamah bertarikh 01.10.2014. Perintah Mahkamah tersebut turut mengarahkan CSC memperbetulkan pendaftaran saham Pentamont di bawah Seksyen 162 AS 1965.

SSM dinamakan sebagai Defendan dan terdapat 3 orang pencelah yang terdiri daripada pemegang-pemegang saham syarikat Pentamont iaitu Chew Ah Fock ("CAF"), Chan Pak Woh ("CPW") dan Ong Siang Tian ("OST"). CPW dan OST menarik diri sebelum perbicaraan penuh kes bermula.

Plaintif mendakwa setelah beliau meneliti dokumen-dokumen akaun dan penyata kewangan syarikat Pentamont terdapat kesilapan pendaftaran saham ketika awal penubuhan syarikat tersebut. Borang 24 bertarikh 19.06.2002 yang didaftarkan dengan SSM mengandungi maklumat palsu (yang menunjukkan saham sejumlah 30,000 diterbitkan). Plaintif mendakwa pada tahun 2002 jumlah saham syarikat hanyalah 9,002 unit sahaja. Oleh itu, kesilapan pendaftaran saham syarikat perlu diperbetulkan.

SSM sebagai Defendan membantah terhadap permohonan ini berdasarkan dokumen-dokumen statutori (Borang 24, Borang 25 dan Penyata Tahunan) yang telah diserah simpan dan didaftarkan dengan teratur. CAF mengesahkan bahawa saham yang direkodkan dalam daftar saham syarikat adalah betul berdasarkan dokumen-dokumen statutori tersebut.

Isu di dalam permohonan Plaintif ini ialah sama ada terdapat kesilapan pendaftaran saham syarikat Pentamont Development Sdn Bhd (dalam Likuidasi); dan sekiranya terdapat kesilapan pendaftaran saham syarikat tersebut, adakah Plaintif berhak untuk memperbetulkan pendaftaran saham syarikat tersebut.

Walau bagaimanapun, Mahkamah telah menolak keputusan Plaintif dan memerintahkan kos sebanyak RM20,000.00 dibayar kepada SSM.

MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA
( Agensi di bawah KPDNHEP )

# MAKLUMAT PERNIAGAAN DAN SYARIKAT DI HUJUNG JARI ANDA



# ACGS
## Perakuan Keutuhan Syarikat

ACGS merupakan satu dokumen pengesahan yang dikeluarkan oleh SSM bagi mengesahkan kewujudan sesebuah syarikat dan mengesahkan syarikat tersebut telah memenuhi keperluan serah simpan berkanun yang ditetapkan oleh Akta Syarikat 2016 (Akta 777)

- ditubuhkan sekurang-kurangnya 18 bulan
- telah menyerahsimpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan atau Sijil Pengecualian Syarikat (EPC) yang terkini
- berstatus *existing* dan bukan dalam proses penggulungan atau pembatalan nama syarikat atau pembubaran
- bukan berstatus *dormant*
- mempunyai alamat berdaftar
- syarikat atau pengarah-pengarah syarikat tidak mempunyai kompaun tertunggak dengan SSM
- syarikat atau pengarah-pengarah syarikat tidak mempunyai sebarang kes pendakwaan tertunggak dengan SSM

HANYA DI PORTAL Perkhidmatan e-Info SSM e-Info SSM e-InfoServices

https://www.ssm-einfo.my

03-7721 4000 enquiry@ssm.com.my www.ssm.com.my
Menara SSM@Sentral, No. 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

ssmofficialpage

# PENYATA KAWALAN DALAMAN

Seksyen Audit Dalam (IAS) diberi mandat berperanan sebagai fungsi bebas yang memberi jaminan (assurance) dan menyediakan khidmat perundingan secara objektif bertujuan untuk memberi nilai tambah di samping membantu SSM dalam mencapai visi dengan menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menambah baik serta meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman, operasi dan proses tadbir urus. IAS melalui pelaksanaan pengauditannya mampu memberi nilai tambah yang menyumbang kepada pencapaian objektif secara strategik. IAS mahu dilihat sebagai penasihat yang dipercayai untuk memastikan SSM sentiasa berada di landasan yang betul dalam memberi perkhidmatan serta melindungi kepentingan SSM dan pihak-pihak berkepentingan.

IAS mengekalkan amalan kesaksamaan, kecekapan dan menjalankan tugas secara profesional seperti yang digariskan dalam Piagam Audit Dalaman dengan mengadakan pelan perancangan pengauditan dan laporan mereka di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR). IAS mengamalkan piawaian dan prinsip-prinsip yang digariskan dalam Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman. Pendekatan pengauditan yang digunakan oleh IAS adalah berasaskan risiko dan analisis data.

IAS melaporkan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif manakala fungsinya kepada JAPR. Pengauditan yang dilaksanakan oleh IAS yang meliputi pelbagai bidang termasuk pengurusan, perakaunan, kewangan dan aktiviti operasi adalah berdasarkan kepada Pelan perancangan tahunan yang telah disemak dan diluluskan oleh JAPR.



# PENYATA KEWANGAN

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 47.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

***Emphasis Of Matter***

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

Pengiktirafan pendapatan kompaun oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia diiktiraf apabila pembayaran diterima di mana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dalam tempoh pembayaran dan pada akhir tempoh yang diberi, maka tempoh notis kompaun berkenaan akan tamat jika ia tidak dibayar.

Merujuk kepada Nota 20 dalam penyata kewangan, pendapatan bersih daripada aktiviti operasi mengenai kompaun adalah pendapatan yang diterima bagi tempoh tahun semasa dan tahun sebelumnya. Ketidakpastian dalam ketepatan pengiktirafan kompaun tersebut adalah berikutan pelaksanaan proses pemurnian data yang tergendala disebabkan oleh kegagalan pembekalan dan penyelenggaraan sistem operasi Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang dilaksanakan oleh pihak luar. Selain itu, proses pembangunan sistem utama Suruhanjaya Syarikat Malaysia juga masih dalam peringkat penyelesaian akhir rundingan dan penambahbaikan.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan untuk usaha berterusan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia memberi gambaran yang saksama.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta kecuali bukti audit tertentu yang sedang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang telah kami perolehi semasa pengauditan dan ianya tidak memberi kesan ke atas kecukupan dan kesesuaian bukti audit seperti yang dinyatakan di dalam Asas bagi Pendapat di atas. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas penemuan dari siasatan yang telah dilakukan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(AHMAD FAZLI BIN OSMAN)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
03 DISEMBER 2019

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Kami, **DATUK MUEZ BIN ABDUL AZIZ** dan **PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

..........................................................................

Nama: **DATUK MUEZ BIN ABDUL AZIZ**
Gelaran: **PENGERUSI SURUHANJAYA**
Tarikh: **07 OCT 2019**
Tempat: **KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Suruhanjaya,

..........................................................................

Name: **PROF. DATO' DR. AISHAH BINTI BIDIN**
Gelaran: **ANGGOTA SURUHANJAYA**
Tarikh: **07 OCT 2019**
Tempat: **KUALA LUMPUR**

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

Saya, **NOR AZIMAH BINTI ABDUL AZIZ**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di KUALA LUMPUR pada )
**07 OCT 2019** )

PESURUHJAYA SUMPAH
W 465
KAPT (B) JASNI BIN YUSOFF
1 JAN 2019 - 31 DIS 2021
MALAYSIA

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.08, Tingkat 1,
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.
Tel: 019 6680745

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Aset Bukan Semasa** | | | |
| Harta, kelengkapan dan peralatan | 4 | 138,380,151 | 134,015,559 |
| Hartanah pelaburan | 5 | 10,395,000 | 8,724,017 |
| Pelaburan jangka panjang | 6 | 166,885,540 | 160,589,952 |
| Kerja dalam kemajuan | 7 | 42,113,741 | 23,286,833 |
| Pembiayaan pekerja | 8 | 54,155,498 | 55,309,681 |
| | | **411,929,930** | **381,926,042** |
| **Aset Semasa** | | | |
| Penghutang perdagangan | 9 | 7,247,217 | 6,457,459 |
| Penghutang lain, deposit dan pra bayar | 10 | 43,528,351 | 41,195,695 |
| Pelaburan jangka pendek | 11 | 586,993,656 | 493,701,628 |
| Inventori | 12 | 277,820 | 277,820 |
| Tunai dan kesetaraan tunai | 13 | 60,057,326 | 78,423,772 |
| | | **698,104,370** | **620,056,374** |
| **JUMLAH ASET** | | **1,110,034,300** | **1,001,982,416** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan) PADA 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| **EKUITI DAN LIABILITI** | | | |
| **Ekuiti** | | | |
| Lebihan terkumpul | | 859,731,039 | 758,701,722 |
| Dana pembiayaan pekerja | 14 | 91,000,000 | 91,000,000 |
| | | **950,731,039** | **849,701,722** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | |
| Peruntukan faedah pekerja | 16 | 26,039,172 | 52,552,152 |
| | | **26,039,172** | **52,552,152** |
| **Liabiliti Semasa** | | | |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 17 | 52,571,766 | 55,845,096 |
| Pemiutang lain | 18 | 54,280,548 | 19,698,681 |
| Pemiutang projek | 19 | 4,811,775 | 5,684,765 |
| Cukai dan Zakat | | 21,600,000 | 18,500,000 |
| | | **133,264,089** | **99,728,542** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **159,303,261** | **152,280,694** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **1,110,034,300** | **1,001,982,416** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENDAPATAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|---|
| **Pendapatan** | **20** | **464,749,235** | **430,071,432** |
| | | | |
| **Perbelanjaan Operasi** | | | |
| Kos pekerja | 21 | 140,485,640 | 126,167,535 |
| Kos pentadbiran | 22 | 138,058,021 | 108,914,330 |
| Susutnilai | 4 | 10,335,031 | 8,705,887 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | | 631,325 | 133,358 |
| | | **289,510,017** | **243,921,110** |
| | | | |
| **Lebihan sebelum Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan** | | **175,239,218** | **186,150,322** |
| Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | 17 | 52,571,766 | 55,845,096 |
| | | | |
| **Lebihan sebelum Cukai** | **23** | **122,667,452** | **130,305,226** |
| Cukai dan Zakat | 24 | 21,638,135 | 18,500,000 |
| **Lebihan bagi tahun** | | **101,029,317** | **111,805,226** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| **Lebihan bagi tahun** | **101,029,317** | **111,805,226** |
| | | |
| **Pendapatan Komprehensif Lain:** | | |
| Pendapatan komprehensif lain bagi tahun | - | - |
| **Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun** | **101,029,317** | **111,805,226** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Lebihan Terkumpul RM | Dana Pembiayaan Pekerja RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2018 | 758,701,722 | 91,000,000 | 849,701,722 |
| Lebihan bagi tahun | 101,029,317 | - | 101,029,317 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 101,029,317 | - | 101,029,317 |
| **Baki pada 31 Disember 2018** | **859,731,039** | **91,000,000** | **950,731,039** |
| | | | |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 646,896,496 | 91,000,000 | 737,896,496 |
| Lebihan bagi tahun | 111,805,226 | - | 111,805,226 |
| Pendapatan komprehensif bagi tahun | - | - | - |
| Jumlah pendapatan komprehensif | 111,805,226 | - | 111,805,226 |
| **Baki pada 31 Disember 2017** | **758,701,722** | **91,000,000** | **849,701,722** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA ALIRAN TUNAI
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan sebelum cukai | 122,667,452 | 130,305,226 |
| Pelarasan bagi: | | |
| Susutnilai | 10,335,031 | 8,705,887 |
| Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang | 526,325 | 133,358 |
| Keuntungan dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | (1,103) | (267,722) |
| Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan | 105,000 | - |
| Keuntungan dari pembiayaan | (31,549,407) | (24,756,332) |
| **Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja** | **102,083,298** | **114,120.417** |
| Perubahan di dalam penghutang perdagangan | (789,758) | (4,233,807) |
| Perubahan di dalam penghutang lain, deposit dan prabayar | (2,332,656) | (5,398,943) |
| Perubahan di dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan | (3,273,330) | 27,075,480 |
| Perubahan di dalam pemiutang lain | 34,581,867 | (2,538,452) |
| Perubahan di dalam pemiutang projek | (872,990) | 4,254,084 |
| Perubahan di dalam peruntukan faedah pekerja | (26,512,980) | (2,942,620) |
| **Tunai dari aktiviti operasi** | **102,883,451** | **130,336,159** |
| Cukai berbayar | (6,738,135) | - |
| Zakat berbayar | (11,800,000) | (9,790,000) |
| **Tunai bersih daripada aktiviti operasi** | **84,345,316** | **120,546,159** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

## PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | 2018<br>RM | 2017<br>RM |
|---|---|---|
| **AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pemerolehan harta, kelengkapan dan peralatan | (15,144,238) | (18,937,932) |
| Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan | 1,235 | 268,226 |
| Hartanah pelaburan | (1,775,983) | (8,724,017) |
| Kerja dalam kemajuan | (18,382,425) | (21,205,320) |
| Pelaburan | (100,113,941) | (57,252,386) |
| Faedah dan dividen daripada pelaburan | 31,549,407 | 24,756,332 |
| Pembiayaan pekerja | 1,154,183 | 2,042,087 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | **(102,711,762)** | **(79,053,010)** |
| | | |
| **AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | |
| Pengkelasan semula geran | - | (5,152,876) |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan** | **-** | **(5,152,876)** |
| | | |
| **(Pengurangan)/Pertambahan tunai dan kesetaraan tunai** | **(18,366,446)** | **36,340,273** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun** | **78,423,772** | **42,083,499** |
| **Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun** | **60,057,326** | **78,423,772** |

Nota-nota di muka surat 121 hingga 147 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### 1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah mengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas. Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

Ibu pejabat Suruhanjaya beroperasi di alamat Menara SSM @ Sentral, No 7. Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata kewangan Suruhanjaya dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM).

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

**(a) Asas Penyediaan**

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali seperti yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan mengikut MPERS memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa pihak pengurusan yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

(i) Kos

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset.

Kos berikutan diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

(ii) Susutnilai

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amaun nilaian semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pegangan Pajak | Tempoh pajakan |
| Bangunan | 2% |
| Peralatan Bangunan | 20% |
| Kenderaan | 20% |
| Perisian dan Perkakasan Komputer | 20% - 33 1/3% |
| Peralatan Perabot Pejabat dan Kelengkapan | 20% |
| Ubahsuai | 20% - 33 1/3% |

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan akan dihentikan apabila dinyahiktiraf dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan.

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan (sambungan)

(ii) Susutnilai (sambungan)

Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda rosotnilai. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amaun bawaan melebihi amaun boleh pulih. Sila rujuk nota 2(e) polisi perakaunan mengenai rosotnilai aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didedahkan dalam penyata pendapatan.

### (d) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

### (e) Rosotnilai Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian rosotnilai diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian rosotnilai sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian rosotnilai diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

### (f) Pajakan

Terma pajakan oleh Suruhanjaya yang menjangka dengan ketara segala risiko dan ganjaran bagi hak pemilikan adalah dikategorikan sebagai pajakan kewangan dan terma pajakan di mana Suruhanjaya menjangka dengan ketara semua risiko dan ganjaran dikategorikan sebagai pajakan operasi.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi dikenalpasti sebagai perbelanjaan sepanjang tempoh pajakan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (g) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

### (h) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada nilai saksama ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

### (i) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amaun invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amaun berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

### (j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi.

### (k) Inventori

Inventori diukur pada nilai terendah antara kos dan nilai realisasi bersih.

### (l) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (m) Faedah Pekerja

(i) Faedah Pekerja Jangka Pendek

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

(ii) Pelan Caruman Ditentukan

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang berada dalam skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

(iii) Pelan Manfaat Ditentukan

Pembayaran pelan manfaat ditentukan selepas persaraan dan/ atau setelah tamat perkhidmatan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai kos faedah pekerja, manakala dalam penyata kedudukan kewangan, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

Jenis-jenis pelan manfaat ditentukan yang diiktiraf adalah seperti berikut:

a) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Pencen Kerajaan (GPS); dan

b) ganjaran wang tunai gantian cuti rehat untuk pekerja Suruhanjaya di bawah Skim Saraan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSSSM)

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara atau yang tamat tempoh perkhidmatan adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Gaji akhir di bawah sistem Saraan Malaysia digunakan untuk pengiraan liabiliti di bawah GPS.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (m) Faedah Pekerja (sambungan)

(iii) Pelan Manfaat Ditentukan (sambungan)

Suruhanjaya telah menubuhkan pelan manfaat ditentukan yang dinamakan *Saguhati Tamat Perkhidmatan* bagi pekerja Suruhanjaya selepas tamat perkhidmatan.

Suruhanjaya menentukan nilai semasa obligasi faedah dan nilai saksama pelan aset secara tetap supaya jumlah yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tidak berlainan materialiti daripada jumlah pada akhir tempoh pelaporan.

Perubahan pada liabiliti manfaat yang timbul ditentukan daripada perkhidmatan pekerja yang diberikan dan faedah ke atas kewajipan manfaat ditentukan bagi tahun kewangan diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### (n) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan (KWDP) mewakili caruman sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada lebihan tahunan semasa sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen Seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah lebihan tahunan semasa sebelum peruntukan cukai dan zakat.

### (o) Pemiutang Lain

Pemiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diterima.

### (p) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (q) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar–benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

### (r) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskaun.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

(i) Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

# SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (r) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)

(ii) Kompaun

Seksyen 23 MPERS tidak memperuntukkan pengiktirafan pendapatan daripada transaksi kompaun. Oleh itu, pendapatan kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima dimana setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah tawaran sebagai ganti kepada proses pendakwaan dengan tempoh pembayaran adalah ditentukan oleh Pendaftar, dan pada akhir tempoh yang diberi, maka notis kompaun berkenaan akan tamat tempoh jika ianya tidak dibayar.

Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat 1965 dan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.

(iii) Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

(iv) Faedah dan Dividen

Faedah dan dividen diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efekti sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti dapat diakrukan kepada Suruhanjaya.

### (s) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan merangkumi bahagian pejabat bangunan dan tanah bagi tujuan peningkatan modal atau peroleh hasil sewaan atau kedua-duanya.

Pada peringkat awal hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan kos yang terdiri daripada harga belian dan sebarang perbelanjaan secara langsung serta kos lain semasa urusan belian. Kemudiannya hartanah pelaburan direkodkan berdasarkan nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan, dan perubahan dalam nilai saksama direkodkan dalam penyata pendapatan.

Kos pengubahsuaian dan penambaikan utama direkodkan sebagai asset dan jumlah bawaan bagi komponen yang digantikan direkodkan dalam penyata pendapatan. Kos penyelenggaraan, pembaikpulih dan penambahbaikan kecil direkodkan di dalam penyata pendapatan apabila ia berlaku.

Bagi pelupusan hartanah pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan jumlah bawaan direkodkan di dalam penyata pendapatan.

## 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

### (s) Hartanah Pelaburan (sambungan)

